KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Garis Panduan
PENILAIAN ANUGERAH KECEMERLANGAN POLYCC (AKPOLYCC)

EDISI KETIGA

GARIS PANDUAN PENILAIAN

ANUGERAH KECEMERLANGAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4W
Persiaran Perdana Presint 4
62100 W.P. Putrajaya
Tel: 03-88882250 | Faks: 03-88887211

Edisi Pertama 2023
Edisi Kedua 2024
Edisi Ketiga 2026

Diterbitkan oleh:
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 7, Galeria Pjh, Jalan P4W
Persiaran Perdana Presint 4
62100 W.P. Putrajaya.
Tel.: 03-88882250 | Faks.: 03-88887211
www.mypolycc.edu.my

© 2026 Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

eISBN 978-629-7548-38-8



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Pendidikan dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi terlebih dahulu.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Anugerah Kecemerlangan Politeknik dan Kolej Komuniti (AKPOLYCC) merupakan inisiatif tahunan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) yang bertujuan menggalakkan institusi Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) untuk terus mempertingkatkan tahap kecemerlangan dari semasa ke semasa. Penilaian bagi anugerah ini bermula dari bulan Januari sehingga Disember pada tahun semasa berpandukan rubrik/kriteria pemarkahan yang disediakan oleh semua bahagian terlibat. Anugerah ini telah diraikan secara berterusan sejak diperkenalkan pada tahun 2022, sejajar dengan visi POLYCC untuk menjadi institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) unggul. Susulan penambahbaikan pada tahun 2024, format penganugerahan disemak semula dengan hanya satu anugerah disediakan bagi setiap enam kategori POLYCC. Seterusnya, bermula tahun 2027, kaedah penilaian dikemas kini dengan mengambil kira tujuh kategori POLYCC iaitu Politeknik Kategori 1 hingga 4 dan Kolej Komuniti Kategori 1 hingga 3, selaras dengan penstrukturan semula kategori institusi untuk penyasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bermula tahun 2026.

Penilaian bagi Edisi Ketiga ini dikemas kini bagi memastikan keselarasan kriteria dengan hala tuju strategik terkini POLYCC. Antara pengemaskinian utama ialah penggabungan Item 12 (Inovasi Kreatif) dan Item 13 (Harta Intelek) menjadi satu kriteria bersepadu iaitu *Research, Development, Innovation, Commercialization and Economy* (RDICE), menjadikan jumlah keseluruhan kriteria kepada 12 kriteria utama yang melambangkan kecemerlangan POLYCC yang berkualiti seperti berikut:

1. Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
2. *Industry Education Centre (IEC)*
3. Kolaborasi Impak Tinggi
4. Kebolehpasaran Graduan
5. Penyedia Latihan Peningkatan Kemahiran Industri
6. Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Kolej Komuniti
7. Pengurusan Penilaian dan Pentaksiran

8. Pengurusan Kewangan
9. Kelestarian Ambilan dan Pembangunan Pelajar
10. Pembelajaran Digital
11. Pembangunan Kompetensi TVET Warga POLYCC
12. *Research, Development, Innovation, Commercialization and Economy* (RDICE)

Penilaian edisi baharu ini turut menyokong pelaksanaan lapan teras Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (PSPKK) 2026–2035 secara keseluruhan, iaitu:

Teras 1: Meningkatkan kecekapan tadbir urus

Teras 2: Memperkasakan program TVET bernilai tinggi

Teras 3: Memperkukuh kolaborasi pintar

Teras 4: Memantapkan bakat berprestasi tinggi

Teras 5: Membangunkan pembelajar holistik

Teras 6: Menyediakan ekosistem lestari

Teras 7: Membudayakan RDICE bertanggungjawab

Teras 8: Memperhebat kecekapan komunikasi

Garis Panduan Penilaian Anugerah Kecemerlangan Politeknik dan Kolej Komuniti ini diharap dapat memberikan pemahaman kepada warga POLYCC tentang standard kecemerlangan dalam pendidikan dan tadbir urus. Bukan sekadar satu pengiktirafan, ia juga merupakan panduan komprehensif yang merangkumi pelbagai aspek penting ke arah keunggulan, serta menjadi pemangkin kepada peningkatan kualiti secara menyeluruh, termasuk aspek pengajaran, pembelajaran, dan penyelidikan. Anugerah ini juga diharap dapat memacu POLYCC untuk mencapai tahap prestasi yang tinggi dan cemerlang sekaligus memberi manfaat kepada seluruh warga POLYCC dan pemegang taruh secara keseluruhannya.

ISI KANDUNGAN

RINGKASAN EKSEKUTIF i

1.0 PENDAHULUAN 1

2.0 PENGENALAN 1

2.1. PUNCA KUASA 2

2.2. LATAR BELAKANG 3

2.3. OBJEKTIF ANUGERAH KECEMERLANGAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI 4

3.0 KAEDAH PENILAIAN PENGANUGERAHAN 4

3.1. KOMPONEN INSTRUMEN PENILAIAN 6

3.2. INSTRUMEN PENILAIAN KRITERIA AKPOLYCC 8

3.2.1. PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) 8

3.2.2. INDUSTRY EDUCATION CENTRE (IEC) 11

3.2.3. KOLABORASI IMPAK TINGGI 14

3.2.4. KEBOLEHPASARAN GRADUAN 17

3.2.5. PENYEDIA LATIHAN PENINGKATAN KEMAHIRAN INDUSTRI 21

3.2.6. PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) KOLEJ KOMUNITI 24

3.2.7. PENGURUSAN PENTAKSIRAN DAN PENILAIAN 27

3.2.8. PENGURUSAN KEWANGAN 30

3.2.9. KELESTARIAN AMBILAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR 34

3.2.10. PEMBELAJARAN DIGITAL 39

3.2.11. PEMBANGUNAN KOMPETENSI TVET WARGA POLYCC 42

3.2.12. RESEARCH, DEVELOPMENT, INNOVATION, COMMERCIALIZATION, AND ECONOMY (RDICE) 46

RUBRIK PENILAIAN POLITEKNIK KATEGORI 1 51

RUBRIK PENILAIAN POLITEKNIK KATEGORI 2 72

RUBRIK PENILAIAN POLITEKNIK KATEGORI 3 93

RUBRIK PENILAIAN POLITEKNIK KATEGORI 4 114

RUBRIK PENILAIAN KOLEJ KOMUNITI KATEGORI 1 138

RUBRIK PENILAIAN KOLEJ KOMUNITI KATEGORI 2 156

RUBRIK PENILAIAN KOLEJ KOMUNITI KATEGORI 3 174

SINGKATAN 192

PENGHARGAAN 194

1.0 PENDAHULUAN

Garis panduan ini menghuraikan secara menyeluruh setiap kriteria utama penilaian AKPOLYCC. Dokumen ini menjadi panduan dan rujukan utama kepada warga di semua peringkat organisasi, sama ada di JPPKK mahupun di institusi POLYCC. Penyediaan garis panduan ini bertujuan memastikan proses penilaian dilaksanakan secara seragam, telus dan berintegriti, di samping memberikan kefahaman yang lebih jelas dan menyeluruh kepada semua pihak terhadap kriteria penilaian yang telah ditetapkan.

2.0 PENGENALAN

AKPOLYCC merupakan pengiktirafan tahunan berprestij yang memberikan penganugerahan POLYCC Berprestasi Tinggi kepada institusi yang mencapai tahap kecemerlangan tertinggi berdasarkan 12 kriteria penilaian yang ditetapkan. Inisiatif yang diperkenalkan oleh Bahagian Governan dan Kecemerlangan (BGK), JPPKK ini bertujuan membudayakan kecemerlangan TVET dan memperkukuh peranan POLYCC sebagai peneraju utama sektor berkenaan.

Garis Panduan Penilaian AKPOLYCC Edisi Ketiga menyediakan kerangka penilaian yang menyeluruh, telus dan sistematik bagi memastikan setiap institusi diberikan peluang yang sama untuk bersaing secara adil dalam meraih pengiktirafan tersebut. Melalui penilaian yang berasaskan kriteria yang jelas, terperinci dan objektif, anugerah ini bukan sahaja menggalakkan persaingan yang sihat antara institusi, malah turut menyumbang kepada peningkatan standard kualiti dan prestasi POLYCC secara keseluruhan. Dalam usaha mencapai tahap kecemerlangan yang lebih tinggi, AKPOLYCC berperanan sebagai pemangkin kepada institusi untuk terus berinovasi serta memberikan keutamaan kepada bidang strategik yang selari dengan keperluan industri dan pasaran kerja graduan masa kini.

Selain itu, garis panduan ini turut mendorong institusi untuk meneroka dan mengaplikasikan pendekatan baharu, kreatif serta berimpak tinggi dalam memenuhi

standard kecemerlangan yang ditetapkan. Secara keseluruhannya, Garis Panduan Penilaian AKPOLYCC Edisi Ketiga berperanan sebagai instrumen penting dalam menginspirasi POLYCC untuk meningkatkan prestasi, memperkukuh budaya kecemerlangan dan memperluas sumbangan institusi kepada ekosistem pendidikan TVET, industri serta pembangunan negara.

2.1. PUNCA KUASA

Pelaksanaan AKPOLYCC adalah berlandaskan keputusan Mesyuarat Pengurusan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (MPJPPKK) yang menjadi punca kuasa utama dalam penetapan dasar, kaedah pelaksanaan serta kriteria penilaian anugerah. MPJPPKK Bil. 4/2022 yang telah diadakan pada 28 Februari 2022 telah bersetuju agar penganugerahan kepada politeknik dan kolej komuniti dilaksanakan secara tahunan. Sehubungan dengan keputusan tersebut, BGK telah dipertanggungjawabkan sebagai penyelaras utama bagi mengurus dan menyelaras pelaksanaan AKPOLYCC secara sistematik dan berkesan.

Bagi AKPOLYCC Edisi Kedua, kaedah penilaian berasaskan 13 kriteria kecemerlangan telah dipersetujui melalui MPJPPKK Bil. 14/2024 pada 16 Oktober 2024. Bagi AKPOLYCC Edisi Ketiga pula, kriteria penilaian tersebut telah disemak semula dan ditetapkan kepada 12 kriteria selaras dengan Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (PSPKK) 2026–2035. Penetapan kriteria penilaian bagi Edisi Ketiga ini telah dipersetujui melalui MPJPPKK Bil. 8/2026 pada 12 Jun 2026.

2.2. LATAR BELAKANG

Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Panduan Pelaksanaan Pemberian Bentuk Pengiktirafan Pegawai Perkhidmatan Awam Versi 1.0 (2022) yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022, perkhidmatan cemerlang ditakrifkan sebagai perkhidmatan yang mutu atau hasilnya melangkaui keperluan dan tanggungjawab biasa sesuatu jawatan. Pencapaian tersebut sewajarnya dijadikan teladan serta berupaya mempengaruhi pembudayaan amalan kerja berprestasi tinggi dan berinovasi dalam kalangan pegawai perkhidmatan awam.

Berteraskan prinsip pengiktirafan tersebut, AKPOLYCC menjadi wadah untuk menghargai pencapaian dan peningkatan kualiti institusi POLYCC secara menyeluruh. Pengiktirafan ini bukan sahaja berasaskan pencapaian akhir, tetapi turut mengambil kira keupayaan institusi dalam melaksanakan tadbir urus yang berkesan, mengoptimumkan sumber, menghasilkan inovasi serta memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan berimpak kepada pemegang taruh. Pendekatan ini dapat menggalakkan institusi menilai kekuatan dan ruang penambahbaikan masing-masing secara lebih sistematik.

Pelaksanaan AKPOLYCC turut menyokong pencapaian PSPKK 2026–2035, khususnya dalam usaha mentransformasikan pendidikan TVET menerusi sistem pendidikan tinggi negara serta memacu politeknik dan kolej komuniti ke arah kecemerlangan. Kriteria penilaian yang diselaraskan dengan hala tuju strategik membolehkan pencapaian institusi dinilai secara lebih terarah, objektif dan relevan dengan keutamaan semasa pendidikan TVET.

Di samping itu, AKPOLYCC menyediakan ruang untuk mengenal pasti, mengetengahkan dan berkongsi amalan terbaik dalam kalangan institusi. Perkongsian tersebut boleh dijadikan penanda aras bagi memperkukuh budaya pembelajaran organisasi dan menggalakkan penambahbaikan secara berterusan. Secara keseluruhannya, pengiktirafan ini berperanan sebagai pemangkin kepada seluruh warga POLYCC untuk meningkatkan prestasi, membudayakan inovasi dan memperluas impak institusi kepada pelajar, industri, komuniti serta negara.

2.3. OBJEKTIF ANUGERAH KECEMERLANGAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Penganugerahan AKPOLYCC kepada institusi POLYCC bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

a) Mengiktiraf Pencapaian Cemerlang Institusi

   Menganugerahkan pengiktirafan rasmi POLYCC Berprestasi Tinggi kepada Politeknik dan Kolej Komuniti yang mencapai tahap kecemerlangan tertinggi menerusi 12 kriteria penilaian yang ditetapkan.

b) Membudayakan Kecemerlangan dan Persaingan Positif

   Mendorong penambahbaikan berterusan dalam tadbir urus dan kualiti penyampaian pendidikan TVET menerusi penandaarasan (*benchmarking*) prestasi antara institusi secara sihat.

c) Memperkukuh Reputasi POLYCC Sebagai Peneraju TVET

   Meningkatkan keyakinan pemegang taruh (*stakeholders*), pihak industri, dan masyarakat terhadap kualiti graduan serta peranan POLYCC sebagai peneraju utama sektor pendidikan kemahiran negara.

3.0 KAEDAH PENILAIAN PENGANUGERAHAN

Proses penilaian bagi penganugerahan AKPOLYCC dilaksanakan menggunakan instrumen pemarkahan yang mengandungi rubrik atau kaedah penilaian yang jelas dan terperinci. Instrumen tersebut digunakan bagi memastikan pemarkahan terhadap setiap POLYCC dilaksanakan secara adil, telus dan berasaskan prestasi sebenar institusi. Pendekatan ini membolehkan penilaian dibuat secara objektif, sistematik dan menyeluruh selaras dengan piawaian yang ditetapkan, sekali gus memelihara integriti proses penganugerahan.

Bagi Edisi Ketiga, pencapaian institusi dinilai berdasarkan 12 kriteria kecemerlangan seperti yang berikut:

1. Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI);
2. *Industry Education Centre* (IEC);
3. Kolaborasi Impak Tinggi;
4. Kebolehpasaran Graduan;
5. Penyedia Latihan Peningkatan Kemahiran Industri;
6. Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Kolej Komuniti;
7. Pengurusan Penilaian dan Pentaksiran;
8. Pengurusan Kewangan;
9. Kelestarian Ambilan dan Pembangunan Pelajar;
10. Pembelajaran Digital;
11. Pembangunan Kompetensi TVET Warga POLYCC; dan
12. *Research, Development, Innovation, Commercialization and Economy* (RDICE).

Setiap instrumen pengukuran dirangka untuk menilai keupayaan institusi mencapai dan mengekalkan tahap kecemerlangan secara konsisten, di samping memastikan pencapaian POLYCC terus relevan, berkualiti dan berdaya saing. Penilaian bagi setiap kriteria dilaksanakan berdasarkan rubrik pemarkahan atau kaedah pengiraan khusus, mengikut kesesuaian dan sifat kriteria yang dinilai.

Bagi kriteria yang menggunakan rubrik pemarkahan, skor diperoleh dengan mendarabkan nilai skala pencapaian dengan wajaran yang ditetapkan bagi setiap subkriteria. Kesemua skor subkriteria kemudiannya dijumlahkan berdasarkan formula berikut:

$$Skor\ markah\ = \sum(nilai\ skala\ \times\ wajaran)$$

Bagi kriteria yang menggunakan kaedah penilaian selain rubrik, skor ditentukan berdasarkan nisbah pencapaian sebenar kepada sasaran bagi setiap subkriteria, yang kemudiannya didarabkan dengan wajaran yang ditetapkan. Pengiraan tersebut dirumuskan seperti yang berikut:

$$Skor\ markah\ = \sum(\frac{pencapaian}{sasaran} \times wajaran)$$

Kaedah ini memastikan penilaian dilaksanakan secara tepat, konsisten dan berstruktur, selain memberikan gambaran yang jelas tentang prestasi sebenar institusi berbanding sasaran yang ditetapkan. Skor bagi kesemua 12 kriteria kecemerlangan kemudiannya dijumlahkan untuk menentukan penerima AKPOLYCC mengikut kategori POLYCC berdasarkan ketetapan dan sumber data rasmi terkini yang berkuat kuasa.

3.1. KOMPONEN INSTRUMEN PENILAIAN

Komponen instrumen penilaian disusun secara berstruktur berdasarkan dimensi, kriteria dan subkriteria seperti yang berikut:

a) Dimensi

Merupakan teras atau fokus strategik penilaian yang merangkumi bidang-bidang utama yang ingin diukur. Dimensi menetapkan kerangka kerja dan skop teras bagi keseluruhan instrumen penilaian.

b) Kriteria

Merupakan komponen spesifik di bawah sesuatu dimensi yang menentukan tahap atau standard kecemerlangan yang dinilai. Kriteria berfungsi sebagai panduan untuk mengukur dan menterjemahkan pencapaian institusi mengikut skala penilaian yang ditetapkan.

c) Subkriteria

Merupakan perincian operasional atau item khusus di bawah sesuatu kriteria. Subkriteria ini menjadi asas kepada pemberian markah berdasarkan bukti fizikal, data dan pelaksanaan sebenar oleh institusi.

Contoh komponen dalam instrumen:

Dimensi	Kriteria	Subkriteria
Kebolehpasaran Graduan	Kadar Kebolehpasaran Graduan	Peratus kebolehpasaran graduan (GM)
		Peratus kadar bekerja graduan (GE)
	Graduan Bekerja	Peratus graduan yang bekerja dalam bidang (BDB) yang dipelajari
		Peratus graduan memperolehi pendapatan RM2000 dan ke atas

Penilaian penganugerahan dibuat oleh bahagian berkaitan di JPPKK mengikut setiap subkriteria dalam instrumen. Prestasi pencapaian POLYCC dinilai mengikut skala pemarkahan 1 hingga 5 yang mewakili indikator prestasi yang ditetapkan seperti berikut:

a) Skala 1 : Lemah;
b) Skala 2 : Memuaskan;
c) Skala 3 : Sederhana;
d) Skala 4 : Baik; dan
e) Skala 5 : Cemerlang.

Contoh skala pemarkahan:

Skala Pemarkahan				
5	**4**	**3**	**2**	**1**
99.0% - 100.0%	96.0% - 98.9%	94.0% - 95.9%	92.0% - 93.9%	90.0% - 91.9%

Pemarkahan bagi setiap subkriteria ditentukan berdasarkan wajaran yang ditetapkan mengikut tahap kepentingan relatifnya. Penetapan ini memastikan subkriteria yang lebih kritikal diberikan penekanan yang sewajarnya dalam pengiraan skor keseluruhan. Pendekatan berwajaran tersebut membolehkan penilaian dilaksanakan secara lebih tepat, objektif dan seimbang, sekali gus memberikan gambaran yang menyeluruh tentang tahap pencapaian institusi bagi setiap kriteria yang dinilai.

3.2. INSTRUMEN PENILAIAN KRITERIA AKPOLYCC

Bagi memastikan penilaian AKPOLYCC kekal relevan dan selaras dengan hala tuju semasa, setiap kriteria disokong oleh instrumen penilaian yang dirangka oleh bahagian peneraju berkaitan di JPPKK. Penyediaannya mengambil kira keupayaan institusi, tahap pencapaian serta potensi penambahbaikan POLYCC dalam bidang yang dinilai. Instrumen ini menjadi asas kepada pelaksanaan penilaian yang sistematik dan konsisten, di samping membantu institusi mengenal pasti kekuatan serta ruang yang perlu ditambah baik. Melalui penilaian tersebut, POLYCC digalakkan untuk meningkatkan prestasi, memperkukuh produktiviti dan membudayakan kecemerlangan secara berterusan. Bahagian ini memperincikan instrumen, kaedah pengukuran dan mekanisme pemarkahan yang digunakan bagi setiap kriteria kecemerlangan AKPOLYCC Edisi Ketiga.

3.2.1. PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

Pencapaian KPI merupakan salah satu kriteria utama dalam penilaian AKPOLYCC. Kriteria ini menilai tahap keupayaan institusi mencapai sasaran prestasi strategik yang telah ditetapkan sebagai manifestasi kepada keberkesanan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan inisiatif pembangunan institusi.

Sebagai instrumen pengurusan prestasi yang berorientasikan keberhasilan, KPI menyediakan ukuran yang objektif bagi menilai pencapaian organisasi terhadap

matlamat strategik. Dalam konteks AKPOLYCC, pencapaian KPI mencerminkan keupayaan institusi menterjemahkan hala tuju strategik kepada hasil yang boleh diukur, seterusnya memperlihatkan tahap kecemerlangan pengurusan dan penyampaian perkhidmatan.

Penilaian berasaskan KPI dilaksanakan bagi mengukur keberkesanan institusi dalam mencapai sasaran yang telah ditetapkan melalui pendekatan yang sistematik, telus dan berasaskan bukti. Pengukuran ini bukan sekadar menilai tahap pencapaian sasaran, malah menggambarkan keupayaan institusi mengurus prestasi secara strategik, mengoptimumkan penggunaan sumber serta memperkukuh akauntabiliti organisasi.

Menurut Abdullah et al. (2022), pelaksanaan KPI yang berkesan membantu organisasi sektor awam meningkatkan kecekapan pengurusan, memperkukuh tadbir urus dan memastikan setiap inisiatif memberi tumpuan kepada faktor kejayaan yang kritikal. Selaras dengan pandangan tersebut, Neely et al. (2002) menjelaskan bahawa KPI bukan sahaja berfungsi sebagai ukuran prestasi, bahkan menjadi instrumen yang menyokong analisis pencapaian, penilaian semula keutamaan strategik serta pelaksanaan penambahbaikan secara berterusan.

Pendekatan ini juga selaras dengan hasrat Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2005 yang menekankan pembudayaan pengurusan berasaskan prestasi bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan sektor awam. Justeru, penilaian KPI dalam AKPOLYCC memberi penekanan kepada budaya kecemerlangan yang berasaskan pencapaian, akauntabiliti dan penambahbaikan berterusan sebagai asas kepada pembangunan institusi yang mampan.

Kriteria ini menyokong pelaksanaan PSPKK 2026–2035 melalui pengukuran pencapaian KPI yang dipetakan kepada objektif strategik dan teras pembangunan POLYCC. Penjajaran ini memastikan setiap pencapaian yang dinilai mempunyai hubungan langsung dengan agenda transformasi institusi serta menyumbang kepada pencapaian aspirasi strategik jabatan.

Melalui pendekatan ini, prestasi institusi dinilai secara menyeluruh merentas lapan Teras Strategik PSPKK 2026–2035 yang merangkumi aspek kecekapan tadbir urus, pemerkasaan program TVET bernilai tinggi, kolaborasi pintar, pemantapan bakat berprestasi tinggi, pembangunan pembelajar holistik, penyediaan ekosistem lestari, pembudayaan RDICE bertanggungjawab, serta kecekapan komunikasi. Pemetaan terperinci antara pencapaian institusi dan teras strategik ini diterjemah menerusi indikator prestasi yang ditetapkan bagi tahun penilaian berkenaan.

Penilaian bagi kriteria ini memberi tumpuan kepada pencapaian prestasi strategik institusi berdasarkan KPI yang telah ditetapkan bagi tahun penilaian. Dimensi ini menilai keupayaan institusi menterjemahkan perancangan strategik kepada pencapaian yang boleh diukur serta menunjukkan keberkesanan pelaksanaan inisiatif dalam menyokong objektif organisasi.

Penilaian turut mengambil kira keseimbangan antara sasaran yang ditetapkan dengan pencapaian sebenar, sekali gus mencerminkan tahap kecekapan pengurusan prestasi, akauntabiliti organisasi dan keberkesanan pelaksanaan strategi institusi. Secara keseluruhannya, kriteria ini menilai daya saing dan keberhasilan institusi dalam mencapai KPI sebagai manifestasi keberkesanan pelaksanaan strategi, pengurusan prestasi dan pencapaian objektif organisasi. Penilaian yang dilaksanakan bukan sahaja mengiktiraf pencapaian semasa, malah menggalakkan budaya penambahbaikan berterusan, pengukuhan tadbir urus serta peningkatan keberhasilan institusi secara sistematik dan mampan.

Kaedah Penilaian

Penilaian dilaksanakan berdasarkan data rasmi pencapaian KPI yang direkodkan dalam Sistem Pengurusan Prestasi POLYCC (POLYCC *Performance System*, PERSYST) bagi tahun penilaian. Data tersebut disahkan terlebih dahulu oleh pemilik proses yang bertanggungjawab sebelum dianalisis menggunakan rubrik penilaian yang ditetapkan.

Skor akhir ditentukan berdasarkan tahap pencapaian setiap KPI mengikut wajaran yang telah ditetapkan. Keseluruhan proses pengumpulan, analisis dan penyelarasan penilaian diselaraskan oleh Bahagian Governan dan Kecemerlangan (BGK), JPPKK.

Rujukan

Abdullah, A. S. B., Zulkifli, N. F. B., Zamri, N. F. B., Harun, N. W. B., & Abidin, N. Z. Z. (2022). The Benefits of Having Key Performance Indicators (KPI) in Public Sector. *International Journal of Academic Research in Accounting, Finance and Management Sciences, 12*(3), 719–726. https://doi.org/10.6007/IJARAFMS/v12-i3/15064

Neely, A., Adams, C., & Kennerley, M. (2002). *The Performance Prism: The Scorecard for Measuring and Managing Business Success.* Financial Times/Prentice Hall.

3.2.2. INDUSTRY EDUCATION CENTRE (IEC)

IEC merupakan salah satu mekanisme strategik dalam memperkukuh hubungan antara institusi dan industri melalui pengintegrasian kepakaran, teknologi, pengalaman serta sumber industri ke dalam ekosistem pendidikan. Kriteria ini menilai keupayaan institusi membangunkan persekitaran pembelajaran yang responsif terhadap perkembangan teknologi, keperluan industri dan perubahan landskap sosioekonomi.

Pelaksanaan IEC dilaksanakan melalui dua inisiatif utama, iaitu Centre of Technology (COT) dan Industry on Campus (IOC). Walaupun kedua-duanya berkongsi matlamat memperkukuh kolaborasi industri, setiap inisiatif mempunyai fokus, skop pelaksanaan dan konstruk penilaian yang berbeza mengikut kategori institusi.

IEC diwujudkan bagi memperkukuh ekosistem TVET melalui kolaborasi strategik yang membolehkan institusi dan industri saling berkongsi kepakaran, teknologi, sumber serta pengalaman bagi meningkatkan kualiti pendidikan dan pembangunan institusi.

Pendekatan ini menggalakkan pemindahan teknologi, penyelesaian masalah sebenar industri, pembangunan inovasi serta penerapan amalan industri dalam pengajaran dan pembelajaran.

Pelaksanaan IEC turut memperkukuh peranan POLYCC sebagai institusi TVET yang responsif terhadap keperluan industri melalui penghasilan graduan yang kompeten, peningkatan produktiviti penyelidikan dan inovasi, pengembangan jaringan kerjasama strategik serta pembangunan keusahawanan dan ekonomi setempat. Melalui pendekatan ini, institusi bukan sahaja berfungsi sebagai penyedia pendidikan, malah menjadi rakan strategik kepada industri dan komuniti dalam menghasilkan penyelesaian yang memberi nilai tambah kepada semua pihak.

Kriteria ini menyokong pelaksanaan PSPKK 2026–2035, khususnya dalam memperkukuh kolaborasi strategik antara institusi, industri dan komuniti bagi meningkatkan kecemerlangan TVET. Pelaksanaan IEC turut menyokong pembangunan graduan yang berdaya saing, pengukuhan aktiviti penyelidikan, inovasi dan pemindahan teknologi, serta pembangunan ekosistem institusi yang mampan dan berimpak tinggi.

Penjajaran ini memastikan pencapaian IEC bukan sahaja dinilai daripada aspek pelaksanaan aktiviti, tetapi juga berdasarkan sumbangannya kepada peningkatan kualiti pendidikan, pembangunan industri serta penghasilan impak ekonomi dan sosial yang mampan.

Penilaian bagi kriteria ini dilaksanakan secara berasingan berdasarkan dua kategori utama, iaitu COT dan IOC, selaras dengan fungsi, skop pelaksanaan dan kategori institusi yang berbeza.

a) **Centre of Technology (COT)**

   Penilaian COT memberi tumpuan kepada keupayaan institusi memperkukuh pemindahan teknologi, penyelidikan gunaan, inovasi serta perkhidmatan kepakaran melalui kolaborasi strategik bersama industri. Tiga dimensi utama yang dinilai adalah:

i. **Kolaborasi dan Rangkaian COT:** Menilai keupayaan institusi membangunkan dan mengekalkan jaringan strategik dengan industri serta agensi luar bagi memperluas perkongsian pengetahuan, kepakaran, sumber dan peluang pemindahan teknologi.

ii. **Aktiviti Penerbitan dan Pengiktirafan:** Menilai produktiviti institusi dalam menghasilkan penyelidikan dan penerbitan yang relevan serta memperoleh pengiktirafan melalui pencapaian yang diiktiraf pada peringkat nasional dan antarabangsa.

iii. **Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan Penjanaan Pendapatan:** Menilai tahap penerapan amalan industri dalam pengajaran dan pembelajaran serta keupayaan COT menterjemahkan kepakaran kepada perkhidmatan profesional dan penjanaan pendapatan.

b) Industry on Campus (IOC)

Penilaian IOC memberi penekanan kepada keberkesanan pelaksanaan kolaborasi industri secara langsung dalam persekitaran kampus melalui pembangunan ekosistem pembelajaran berasaskan pengalaman industri. Empat dimensi utama yang dinilai adalah:

i. **Perancangan Pengurusan dan Kewangan:** Menilai kecekapan tadbir urus dan perancangan strategik (contoh: carta perbatuan) bagi memastikan operasi IOC dan sumber manusianya diurus dengan mampan.

ii. **Mod Pelaksanaan dan Inovasi:** Menilai keberkesanan mod pelaksanaan ruang pembelajaran industri (*Teaching Factory*) serta keupayaan institusi menghasilkan penyelesaian inovatif yang responsif terhadap keperluan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan komuniti.

iii. **Elemen Kolaborasi:** Menilai tahap kerjasama strategik melalui pelaksanaan (Model Kuintupel Heliks) bersama-sama pihak industri, kualiti laporan aktiviti, dan usaha meraih pengiktirafan luar.

iv. **Infrastruktur dan Kelestarian (Baharu):** Menilai usaha memperkukuh fasiliti kampus melalui perkongsian aset bersama industri (*Co-Ownership*) serta keupayaan IOC menjana pendapatan bagi menyokong kelestarian kewangan institusi.

Secara keseluruhannya, kriteria ini menilai tahap keupayaan institusi dalam membangunkan ekosistem pendidikan berorientasikan industri melalui pelaksanaan COT dan IOC mengikut fungsi serta konteks institusi masing-masing. Penilaian yang dilaksanakan bukan sahaja mengiktiraf pencapaian semasa, malah menggalakkan budaya kolaborasi strategik, pemindahan teknologi, inovasi dan penambahbaikan berterusan bagi meningkatkan kecemerlangan institusi serta impaknya kepada industri dan komuniti.

Kaedah Penilaian

Penilaian dilaksanakan menggunakan dua instrumen yang berasingan mengikut kategori institusi, iaitu rubrik COT dan rubrik IOC. Bagi setiap institusi, penilaian dibuat berdasarkan bukti yang dikemukakan bagi setiap dimensi dan subkriteria mengikut wajaran yang telah ditetapkan.

Penilaian bagi kriteria ini dikendalikan oleh Bahagian Perancangan Program dan Institusi (BPPI), JPPKK.

3.2.3. KOLABORASI IMPAK TINGGI

Kriteria Kolaborasi Impak Tinggi menilai keupayaan institusi membangun dan melaksanakan kolaborasi strategik yang menghasilkan nilai tambah kepada kerajaan, industri, akademia, komuniti, dan alam sekitar. Penilaian memberi tumpuan kepada

keberkesanan jaringan kerjasama dalam memperkukuh ekosistem TVET melalui perkongsian kepakaran, sumber, teknologi dan pengalaman yang menyokong pembangunan pendidikan serta penyelesaian keperluan sebenar industri dan masyarakat.

Dalam konteks kriteria ini, industri merangkumi organisasi luar termasuk sektor awam, sektor swasta, syarikat berkaitan kerajaan (*Government-Linked Company*, GLC), syarikat multinasional (*Multinational Corporation*, MNC), Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), badan profesional, pertubuhan bukan kerajaan (*non-governmental organisation*, NGO), agensi antarabangsa serta komuniti yang berkaitan.

Kolaborasi strategik merupakan pemacu utama kepada pembangunan institusi TVET yang relevan, responsif dan berdaya saing. Melalui kerjasama yang dirancang secara sistematik, institusi berupaya memperkukuh pemindahan pengetahuan, meningkatkan kompetensi warga akademik, memperluas akses kepada teknologi dan kepakaran industri, serta menghasilkan penyelesaian inovatif yang memberi manfaat kepada industri dan komuniti.

Penilaian kriteria ini memberi penekanan kepada keberhasilan kolaborasi, bukan sekadar bilangan kerjasama yang diwujudkan. Justeru, aspek seperti kesinambungan kerjasama, tahap keterlibatan rakan industri, perkongsian sumber, pemindahan teknologi serta impak yang dihasilkan kepada institusi dan pemegang taruh menjadi asas utama dalam menilai kualiti kolaborasi.

Pendekatan ini turut menggalakkan budaya kerjasama yang menyokong pembangunan penyelidikan, inovasi, pengkomersialan, pembangunan bakat serta amalan kelestarian yang selaras dengan agenda pembangunan mampan. Kriteria ini menyokong pelaksanaan PSPKK 2026–2035, khususnya dalam memperkukuh kolaborasi pintar antara institusi, industri, kerajaan dan komuniti sebagai pemacu kecemerlangan TVET. Penjajaran ini turut menyokong pembangunan graduan yang berdaya saing, pemerkasaan penyelidikan dan inovasi, pemindahan teknologi, pembangunan komuniti serta amalan kelestarian institusi.

Pelaksanaan kolaborasi juga mengambil kira prinsip pembangunan mampan, termasuk Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*, SDG) dan agenda Kesihatan Bumi (*Planetary Health*) bagi memastikan setiap inisiatif yang dilaksanakan memberi impak ekonomi, sosial dan alam sekitar secara seimbang.

Penilaian bagi kriteria ini dilaksanakan berdasarkan dua dimensi utama yang saling melengkapi, iaitu Inisiatif Kolaborasi Bersama Industri dan Keterlibatan Industri.

a) Inisiatif Kolaborasi Bersama Industri

Dimensi ini menilai keberkesanan institusi membangunkan kolaborasi strategik melalui bilangan dan jenis industri yang bekerjasama, pelaksanaan aktiviti kolaborasi berimpak tinggi serta kesinambungan kerjasama yang memberi nilai tambah kepada institusi. Penilaian turut mengambil kira penglibatan industri dalam inisiatif penjanaan pendapatan, pembangunan kurikulum, perkongsian kemudahan dan fasiliti, penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (RDICE).

b) Keterlibatan Industri

Dimensi ini menilai tahap penglibatan industri dalam pembangunan pelajar dan institusi melalui penyediaan peluang pembelajaran berasaskan industri seperti *Work-Based Learning* (WBL), Latihan Industri Berstruktur (LIB) dan *On-the-job Training* (OJT). Penilaian turut mengambil kira sumbangan industri dalam bentuk bantuan kewangan, biasiswa, hadiah kecemerlangan akademik, tajaan program latihan, perkongsian aset, pemberian peralatan, kemudahan tempat latihan, penjanaan pendapatan serta sokongan terhadap pembangunan kompetensi dan kelestarian institusi.

Secara keseluruhannya, kriteria ini menilai tahap keupayaan institusi membangunkan kolaborasi strategik yang menghasilkan impak kepada pembangunan pendidikan, industri dan komuniti melalui perkongsian kepakaran, sumber serta penyelesaian inovatif. Penilaian yang dilaksanakan bukan sahaja mengiktiraf pencapaian semasa, malah menggalakkan budaya kolaborasi berimpak tinggi, pemindahan pengetahuan

dan penambahbaikan berterusan bagi memperkukuh kecemerlangan institusi serta menyokong pembangunan TVET yang mampan.

Kaedah Penilaian

Penilaian dilaksanakan berdasarkan bukti pelaksanaan kolaborasi yang dikemukakan oleh institusi mengikut dua dimensi utama. Setiap bukti dinilai menggunakan rubrik yang telah ditetapkan bagi menentukan tahap pencapaian institusi berdasarkan indikator, subkriteria dan wajaran yang berkaitan.

Penilaian bagi kriteria ini dikendalikan oleh Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK), JPPKK.

3.2.4. KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Kriteria Kebolehpasaran Graduan menilai keupayaan POLYCC melahirkan graduan yang kompeten, berdaya saing dan memenuhi keperluan pasaran pekerjaan. Penilaian tidak hanya memberi tumpuan kepada kadar graduan memperoleh pekerjaan, malah mengambil kira kualiti pekerjaan, kesepadanan bidang, tahap kemahiran serta potensi peningkatan pendapatan sebagai indikator keberkesanan sistem pendidikan TVET.

Kriteria ini mencerminkan keupayaan institusi menterjemahkan proses pembelajaran kepada hasil yang memenuhi kehendak industri, sekali gus memperkukuh kedudukan graduan sebagai modal insan yang mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.

Kebolehpasaran graduan merupakan salah satu indikator utama yang menggambarkan keberkesanan institusi dalam menyediakan graduan yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang relevan dengan keperluan industri semasa. Keupayaan graduan memperoleh pekerjaan yang berkualiti dan

setara dengan kelayakan mencerminkan keberkesanan kurikulum, pengalaman pembelajaran serta hubungan strategik antara institusi dan industri.

Bagi mencapai matlamat tersebut, institusi perlu melaksanakan pelbagai inisiatif yang menyokong pembangunan kompetensi graduan, termasuk program peningkatan kemahiran (*upskilling*), kemahiran semula (*reskilling*), WBL, LIB, pensijilan profesional, *micro-credentials* serta program pembangunan sahsiah, kepimpinan, komunikasi dan penguasaan bahasa. Pelaksanaan inisiatif ini meningkatkan kesiapsiagaan graduan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan landskap pekerjaan yang semakin dinamik.

Penilaian terhadap kebolehpasaran graduan bukan sahaja mengiktiraf pencapaian institusi dalam menghasilkan graduan yang bekerja, malah turut menilai keupayaan institusi memperkukuh kompetensi, memperluas peluang pekerjaan dan meningkatkan kesepadanan antara bidang pengajian dengan keperluan industri.

Kriteria ini menyokong aspirasi PSPKK 2026–2035, khususnya dalam memperkukuh pembangunan bakat berprestasi tinggi dan meningkatkan daya saing graduan TVET. Kriteria ini juga selaras dengan aspirasi Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026–2035, terutama Lonjakan 2: Bakat Berprestasi Tinggi Dipacu Matlamat dan Lonjakan 3: Kompetensi TVET Termaju, serta agenda pembangunan modal insan yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13).

Komitmen tersebut diterjemahkan melalui sasaran nasional untuk mencapai kadar graduan bekerja setara dengan kelayakan pendidikan sebanyak 70.1% menjelang tahun 2030. Pendekatan ini menyokong hasrat melahirkan graduan sebagai Pencipta Pekerjaan dan Nilai (*Job and Value Creators*) yang berkeupayaan menjana peluang ekonomi baharu melalui inovasi, keusahawanan dan penguasaan kompetensi yang relevan.

Penjajaran ini memastikan penilaian kebolehpasaran graduan bukan sahaja mengukur pencapaian institusi dari aspek kadar pekerjaan graduan, tetapi turut menilai keberkesanan institusi dalam menghasilkan graduan yang memiliki

kompetensi, kesepadanan pekerjaan dan nilai tambah yang memenuhi keperluan pembangunan negara.

Penilaian bagi kriteria ini dilaksanakan berdasarkan tiga dimensi utama yang menggambarkan keberkesanan institusi dalam memperkukuh agenda kebolehpasaran graduan.

a) Kebolehpasaran Graduan

Dimensi ini menilai pencapaian institusi dalam melahirkan graduan yang memenuhi keperluan pasaran pekerjaan berdasarkan indikator kebolehpasaran graduan yang diperoleh melalui Sistem Kajian Pengesanan Graduan TVET (SKPG-TVET). Penilaian merangkumi kadar kebolehpasaran graduan, kadar graduan bekerja, kesepadanan bidang pekerjaan, tahap pendapatan serta bilangan graduan yang bekerja sebagai tenaga berkemahiran.

b) Program Kebolehpasaran Graduan

Dimensi ini menilai keberkesanan perancangan dan pelaksanaan program, inisiatif serta intervensi yang dilaksanakan bagi meningkatkan kompetensi, kesiapsiagaan kerjaya dan kebolehpasaran graduan. Penilaian turut mengambil kira pelaksanaan program berimpak tinggi serta penglibatan pelajar dalam pensijilan profesional, pensijilan industri dan sijil kompetensi.

c) Penempatan Pekerjaan Graduan

Dimensi ini menilai keupayaan institusi menyediakan peluang latihan industri, program padanan kerjaya dan kerjasama strategik bersama industri yang menyokong penempatan pekerjaan graduan selepas tamat pengajian. Penilaian memberi tumpuan kepada keberkesanan usaha institusi dalam memperluas akses graduan kepada peluang pekerjaan yang berkualiti dan setara dengan kelayakan.

Secara keseluruhannya, kriteria ini menilai tahap keupayaan institusi dalam melahirkan graduan yang kompeten, berdaya saing dan memenuhi keperluan pasaran pekerjaan melalui pembangunan kompetensi, pelaksanaan program kebolehpasaran serta pengukuhan kerjasama strategik dengan industri. Penilaian yang dilaksanakan bukan sahaja mengiktiraf pencapaian semasa, malah menggalakkan penambahbaikan berterusan dalam memperkukuh kebolehpasaran graduan serta meningkatkan impak pendidikan TVET kepada pembangunan ekonomi dan sosial.

Kaedah Penilaian

Penilaian dilaksanakan berdasarkan data rasmi SKPG-TVET yang diekstrak daripada Sistem e-Anjung, di samping pelaporan institusi berkaitan program kebolehpasaran graduan dan penempatan pekerjaan seperti berikut:

a) **Analisis Data SKPG-TVET**

   Analisis data SKPG-TVET yang diekstrak daripada Sistem e-Anjung bagi menentukan skor pencapaian setiap POLYCC berdasarkan maklumat yang telah dilengkapkan dan disahkan oleh graduan.

b) **Semakan Program dan Inisiatif Kebolehpasaran Graduan**

   Semakan dan penilaian terhadap pelaksanaan program, inisiatif serta aktiviti kebolehpasaran graduan yang dilaporkan oleh institusi kepada Unit Kebolehpasaran Graduan, BKIK JPPKK.

c) **Semakan Program Penempatan Pekerjaan Graduan**

   Penilaian terhadap pelaksanaan program penempatan pekerjaan, padanan kerjaya dan kerjasama industri yang berjaya membantu graduan memperoleh peluang pekerjaan selepas tamat pengajian berdasarkan pelaporan yang dikemukakan oleh institusi.

Keseluruhan data dan bukti dianalisis menggunakan rubrik penilaian yang ditetapkan bagi menentukan skor setiap dimensi.

Penilaian bagi kriteria ini dikendalikan oleh Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK), JPPKK.

3.2.5. PENYEDIA LATIHAN PENINGKATAN KEMAHIRAN INDUSTRI

Kriteria Penyedia Latihan Peningkatan Kemahiran Industri menilai keupayaan politeknik menyediakan latihan yang berkualiti, relevan dan responsif terhadap keperluan industri, sektor awam, badan profesional dan komuniti. Penilaian memberi tumpuan kepada keberkesanan institusi dalam membangunkan kompetensi tenaga kerja melalui pelaksanaan program latihan yang berstruktur, memenuhi keperluan industri serta menghasilkan pensijilan yang diiktiraf.

Sebagai penyedia latihan TVET, politeknik berperanan memperkukuh pembangunan modal insan melalui penyampaian latihan yang memenuhi perubahan teknologi, amalan industri dan keperluan pasaran pekerjaan. Keupayaan institusi menyediakan latihan yang berimpak tinggi mencerminkan kekuatan kepakaran, kemudahan, jaringan industri dan kapasiti institusi dalam menyokong pembangunan tenaga kerja negara.

Program latihan peningkatan kemahiran merupakan instrumen penting dalam memperkukuh kompetensi tenaga kerja melalui pendekatan peningkatan kemahiran (*upskilling*), kemahiran semula (*reskilling*) dan pembelajaran sepanjang hayat. Pelaksanaan latihan secara sistematik membolehkan institusi memanfaatkan kepakaran tenaga pengajar, kemudahan serta sumber sedia ada bagi memenuhi keperluan industri yang sentiasa berkembang.

Dalam konteks politeknik, pelaksanaan latihan diperkukuh melalui pendekatan *Time - Sector Privatisation* (TSP) atau Penswastaan Sektor Masa yang mengoptimumkan penggunaan kepakaran dan fasiliti institusi untuk menyediakan latihan kepada

industri. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan akses kepada latihan berkualiti, malah memperkukuh peranan politeknik sebagai rakan strategik industri dalam pembangunan kompetensi tenaga kerja.

Penilaian terhadap kriteria ini memberi penekanan kepada keberkesanan institusi sebagai penyedia latihan melalui pencapaian penyertaan latihan, keupayaan menjana pendapatan, pengiktirafan industri serta kepuasan peserta. Pendekatan ini memastikan penilaian tidak hanya tertumpu kepada bilangan program yang dilaksanakan, tetapi turut mengambil kira keberhasilan dan nilai yang dihasilkan kepada industri serta institusi.

Kriteria ini menyokong pelaksanaan PSPKK 2026–2035 melalui penyediaan program TVET yang berkualiti, fleksibel dan responsif terhadap perkembangan teknologi serta keperluan industri. Kriteria ini juga selaras dengan Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023–2030, khususnya Agenda Pembaharuan Kritikal (*Critical Reform Agenda*, CRA) Ke-8 yang memperkukuh peranan politeknik sebagai pusat *reskilling*, *upskilling* dan pendidikan lanjutan.

Penjajaran ini memastikan institusi bukan sahaja berperanan sebagai penyedia pendidikan formal, malah sebagai penyedia latihan profesional yang menyokong pembangunan bakat berkemahiran tinggi, peningkatan produktiviti industri dan daya saing negara.

Penilaian bagi kriteria ini dilaksanakan berdasarkan empat dimensi utama yang menggambarkan keberkesanan institusi sebagai penyedia latihan peningkatan kemahiran industri.

a) Aktiviti/Program Peningkatan Kemahiran Industri

Dimensi ini menilai tahap penglibatan institusi dalam melaksanakan program latihan peningkatan kemahiran kepada pekerja industri. Penilaian merangkumi pencapaian sasaran penyertaan peserta, bilangan program yang menghasilkan pensijilan yang diiktiraf serta kadar penyertaan dalam program pensijilan profesional dan industri.

b) Penjanaan Pendapatan Penyedia Latihan

Dimensi ini menilai keupayaan institusi menjana pendapatan melalui pelaksanaan program latihan peningkatan kemahiran. Penilaian memberi tumpuan kepada jumlah penjanaan akaun amanah serta keupayaan institusi memperoleh pembiayaan daripada badan pendanaan latihan, agensi kerajaan, industri atau sumber lain yang berkaitan. Selain itu, dimensi ini juga memberi fokus kepada sumber pendanaan latihan peningkatan kemahiran melalui pembiayaan oleh badan pendanaan latihan seperti Human Resource Development Corporation (HRD Corp), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), dan lain-lain berkaitan mahupun secara individu.

c) Imej Penyedia Latihan

Dimensi ini menilai tahap pengiktirafan institusi sebagai penyedia latihan yang diyakini oleh industri. Penilaian dibuat berdasarkan kekerapan organisasi atau industri yang sama memilih institusi secara berulang sebagai penyedia latihan, sekali gus mencerminkan keyakinan terhadap kualiti program dan perkhidmatan yang ditawarkan.

d) Kepuasan Peserta

Dimensi ini menilai tahap kepuasan peserta terhadap pelaksanaan latihan berdasarkan maklum balas yang diperoleh melalui Sistem ePSH. Penilaian merangkumi aspek kandungan kursus, keberkesanan penyampaian, kompetensi tenaga pengajar, kemudahan latihan, kesesuaian modul serta manfaat latihan terhadap peningkatan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi peserta.

Secara keseluruhannya, kriteria ini menilai tahap keupayaan institusi sebagai penyedia latihan peningkatan kemahiran industri yang berkualiti, responsif dan berorientasikan keperluan tenaga kerja semasa. Penilaian yang dilaksanakan bukan sahaja mengiktiraf pencapaian institusi dalam penyediaan latihan profesional, malah menggalakkan penambahbaikan berterusan, pengukuhan hubungan strategik dengan

industri serta pembangunan kompetensi tenaga kerja yang menyokong pertumbuhan ekonomi dan daya saing negara.

Kaedah Penilaian

Penilaian dilaksanakan berdasarkan data dan bukti yang dikemukakan oleh institusi bagi setiap dimensi penilaian, termasuk rekod pelaksanaan program, penjanaan akaun amanah, sumber pembiayaan latihan, rekod penyertaan industri serta maklum balas peserta melalui Sistem ePSH. Setiap bukti dinilai menggunakan rubrik yang ditetapkan mengikut kategori politeknik bagi menentukan skor keseluruhan institusi.

Penilaian bagi kriteria ini dikendalikan oleh Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK), JPPKK.

3.2.6. PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) KOLEJ KOMUNITI

Kriteria Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) menilai keupayaan kolej komuniti memperluas akses pembelajaran serta pembangunan kemahiran kepada komuniti melalui penyediaan program yang fleksibel, responsif dan berorientasikan keberhasilan. Penilaian memberi tumpuan kepada keberkesanan institusi dalam menyediakan peluang pembelajaran yang memenuhi keperluan individu, komuniti, industri dan pembangunan sosio ekonomi setempat.

Sebagai penyedia pendidikan TVET berteraskan komuniti, kolej komuniti berperanan memperkukuh pembangunan modal insan melalui pelaksanaan program yang menyokong pembelajaran sepanjang hayat, peningkatan kompetensi serta penguasaan kemahiran baharu yang relevan dengan perubahan teknologi, keperluan industri dan perkembangan ekonomi semasa.

PSH merupakan mekanisme penting dalam memastikan masyarakat mempunyai akses berterusan kepada pendidikan dan latihan bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta kompetensi sepanjang kitaran kehidupan. Pendekatan ini membolehkan individu meningkatkan kebolehpasaran, memperkukuh

keusahawanan, menjana pendapatan dan meningkatkan kesejahteraan hidup melalui pembelajaran yang bersifat fleksibel dan inklusif.

Dalam konteks kolej komuniti, pelaksanaan PSH memperkukuh peranan institusi sebagai hab pembangunan komuniti melalui penyediaan program yang responsif terhadap keperluan setempat. Pelaksanaan program bukan sahaja memberi peluang kepada masyarakat memperoleh kemahiran baharu, malah menyokong pembangunan perusahaan, penguasaan teknologi digital serta pembentukan komuniti yang lebih berdaya tahan dan berdaya saing.

Penilaian terhadap kriteria ini memberi penekanan kepada keberkesanan institusi dalam memperluas akses pendidikan serta menghasilkan impak yang dapat meningkatkan kompetensi, penjanaan pendapatan dan pembangunan komuniti secara berterusan.

Kriteria ini menyokong aspirasi PSPKK 2026–2035, RPTM 2026–2035 dan RMK13 dalam memperluas akses kepada pembelajaran sepanjang hayat, memperkukuh pembangunan bakat serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui pendidikan TVET yang inklusif.

Penjajaran ini memastikan pelaksanaan PSH bukan sahaja meningkatkan penyertaan komuniti dalam pembelajaran sepanjang hayat, malah memperkukuh pembangunan kompetensi, kolaborasi strategik dan pembangunan sosioekonomi yang mampan.

Penilaian bagi kriteria ini dilaksanakan berdasarkan dua dimensi utama yang menggambarkan keberkesanan kolej komuniti dalam memperluas akses pembelajaran sepanjang hayat serta menghasilkan impak yang memberi manfaat kepada komuniti.

a) Akses Pendidikan dan Kemahiran

Dimensi ini menilai keupayaan institusi memperluas peluang pembelajaran kepada pelbagai lapisan masyarakat melalui penyediaan program PSH yang mudah diakses, inklusif dan memenuhi keperluan komuniti. Penilaian memberi

tumpuan kepada tahap penyertaan komuniti dalam program PSH, pelaksanaan Program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH), pelaksanaan program PSH berstruktur seperti *micro-credentials*, *Micro-credentials Stand Alone* (MCSA), Malaysian Qualifications Agency/Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Malaysia Board of Technologists/Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT), badan profesional, agensi dan industri, serta penglibatan warga emas dalam program PSH.

Dimensi ini mencerminkan keberkesanan institusi dalam memperluas akses pendidikan, meningkatkan penyertaan komuniti dan menyediakan peluang pembelajaran yang relevan kepada pelbagai kumpulan sasaran.

b) Program dan Aktiviti Berimpak

Dimensi ini menilai keberkesanan pelaksanaan program PSH yang menghasilkan impak kepada pembangunan komuniti dan peningkatan kesejahteraan peserta. Penilaian memberi penekanan kepada pelaksanaan program yang menerima pendanaan atau projek khas, keupayaan peserta menjana atau meningkatkan pendapatan hasil penyertaan dalam program, pelaksanaan kolaborasi bersama agensi atau organisasi luar serta penerapan elemen teknologi digital dalam pelaksanaan program.

Dimensi ini menggambarkan keupayaan institusi melaksanakan program yang bukan sahaja meningkatkan penyertaan komuniti, malah menghasilkan perubahan yang dapat diukur dari aspek pembangunan ekonomi, pembangunan kompetensi dan transformasi digital masyarakat.

Secara keseluruhannya, kriteria ini menilai tahap keupayaan kolej komuniti dalam memperluas akses kepada pembelajaran sepanjang hayat melalui penyediaan program yang berkualiti, inklusif dan responsif terhadap keperluan komuniti. Penilaian yang dilaksanakan bukan sahaja mengiktiraf pencapaian institusi dalam meningkatkan penyertaan masyarakat dan pembangunan kompetensi, malah menggalakkan budaya pembelajaran berterusan, pengukuhan kolaborasi strategik

serta penghasilan impak yang menyumbang kepada kesejahteraan komuniti dan pembangunan sosioekonomi secara mampan.

Kaedah Penilaian

Penilaian dilaksanakan berdasarkan data rasmi yang direkodkan dalam Sistem ePSH serta dokumen sokongan dan maklum balas peserta yang dikemukakan oleh institusi. Data yang diterima disemak dan dianalisis bagi memastikan ketepatan, kesahihan dan keseragaman maklumat sebelum proses pemarkahan dilaksanakan.

Skor bagi setiap institusi ditentukan menggunakan rubrik penilaian yang merangkumi dimensi, kriteria, subkriteria dan wajaran yang telah ditetapkan. Proses penilaian turut mengambil kira data penyertaan program, pencapaian sasaran, maklumat program berimpak serta maklum balas peserta yang berjaya menjana atau meningkatkan pendapatan hasil penyertaan dalam program PSH.

Penilaian bagi kriteria ini dikendalikan oleh Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK), JPPKK.

3.2.7. PENGURUSAN PENTAKSIRAN DAN PENILAIAN

Kriteria Pengurusan Pentaksiran dan Penilaian menilai keupayaan POLYCC mengurus pelaksanaan pentaksiran dan penilaian akademik secara sistematik, cekap dan berintegriti. Penilaian memberi tumpuan kepada keberkesanan tadbir urus, pelaksanaan proses pentaksiran serta pengurusan data peperiksaan yang menyokong pencapaian hasil pembelajaran dan jaminan kualiti akademik.

Sebagai komponen utama dalam sistem pendidikan TVET, pengurusan pentaksiran dan penilaian yang berkesan memastikan setiap proses dilaksanakan secara telus, konsisten dan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Keupayaan institusi mengurus proses ini secara sistematik mencerminkan tahap profesionalisme, kecekapan operasi dan komitmen terhadap penambahbaikan berterusan dalam pengurusan akademik.

Pengurusan pentaksiran dan penilaian yang berkualiti merupakan asas kepada kredibiliti sistem akademik sesebuah institusi. Pelaksanaan pentaksiran yang sistematik bukan sahaja memastikan pencapaian pelajar dinilai secara adil, sah dan boleh dipercayai, malah menyokong keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran serta penghasilan graduan yang memenuhi standard kompetensi yang ditetapkan.

Dalam persekitaran pendidikan TVET yang sentiasa berkembang, institusi perlu memperkukuh tadbir urus pentaksiran melalui pelaksanaan amalan terbaik, inovasi pengurusan, jaminan kualiti item peperiksaan dan pendigitalan pengurusan data. Pendekatan ini meningkatkan kecekapan operasi, mengurangkan risiko kesilapan serta memperkukuh integriti pengurusan peperiksaan dan penilaian.
Penilaian terhadap kriteria ini memberi penekanan kepada keupayaan institusi membudayakan pengurusan pentaksiran yang sistematik, inovatif dan berkualiti sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh kecemerlangan akademik POLYCC.

Kriteria ini menyokong pelaksanaan PSPKK 2026–2035 khususnya dalam memperkukuh kecekapan tadbir urus institusi melalui pengurusan akademik yang berkualiti, sistematik dan berintegriti. Pelaksanaan kriteria ini turut menyokong agenda pendigitalan pengurusan akademik, pengukuhan sistem penyampaian serta pembudayaan inovasi dalam pengurusan institusi.

Penjajaran ini memastikan pengurusan pentaksiran dan penilaian bukan sahaja memenuhi keperluan pematuhan akademik, malah menyumbang kepada peningkatan kecekapan operasi, jaminan kualiti serta kecemerlangan institusi secara menyeluruh.

Penilaian bagi kriteria ini dilaksanakan berdasarkan tiga dimensi utama yang menggambarkan keupayaan institusi mengurus pentaksiran dan penilaian secara sistematik, berkualiti dan berkesan.

a) Amalan Baik Pengurusan Pentaksiran

Dimensi ini menilai keupayaan institusi membudayakan inovasi dan amalan terbaik dalam pengurusan pentaksiran dan penilaian. Penilaian memberi tumpuan kepada pelaksanaan inisiatif penambahbaikan yang meningkatkan kecekapan proses kerja, memperkukuh tadbir urus serta menghasilkan nilai tambah kepada pengurusan peperiksaan dan penilaian.

Dimensi ini turut menilai sejauh mana amalan yang dilaksanakan dapat dikongsi, diperluas atau dijadikan rujukan sebagai pendekatan terbaik dalam memperkukuh pengurusan pentaksiran di peringkat institusi.

b) Tadbir Urus yang Cekap

Dimensi ini menilai keberkesanan institusi dalam merancang, menyelaras dan melaksanakan pengurusan peperiksaan mengikut prosedur dan garis masa yang ditetapkan. Penilaian meliputi pengurusan takwim peperiksaan, pelaksanaan taklimat peperiksaan akhir, pengurusan data lulusan, pematuhan tempoh penghantaran data serta pelaksanaan pendigitalan rekod lulusan.

Dimensi ini mencerminkan tahap kecekapan tadbir urus institusi dalam memastikan setiap proses pentaksiran dilaksanakan secara terancang, tepat, sistematik dan mematuhi keperluan pengurusan akademik.

c) Jaminan Kualiti Item

Dimensi ini menilai usaha institusi memastikan kualiti item pentaksiran melalui pelaksanaan bengkel penggubalan item dan peraturan pemarkahan serta latihan kepada pensyarah berkaitan pentaksiran dan penilaian. Penilaian memberi penekanan kepada pembangunan kapasiti warga akademik dalam menghasilkan item pentaksiran yang berkualiti, sah dan memenuhi standard akademik.

Dimensi ini menyokong pembudayaan jaminan kualiti dalam pengurusan pentaksiran melalui peningkatan kompetensi pegawai peperiksaan dan pensyarah secara berterusan.

Secara keseluruhannya, kriteria ini menilai tahap keupayaan institusi dalam mengurus pentaksiran dan penilaian akademik secara sistematik, cekap dan berintegriti. Penilaian yang dilaksanakan bukan sahaja mengiktiraf pencapaian semasa, malah menggalakkan budaya inovasi, pengukuhan tadbir urus serta penambahbaikan berterusan bagi memperkukuh kecemerlangan pengurusan akademik dan meningkatkan keyakinan pemegang taruh terhadap sistem pentaksiran institusi.

Kaedah Penilaian

Penilaian dilaksanakan berdasarkan data dan bukti yang dikemukakan oleh institusi melalui storan awan Google Unit Penilaian (UP) berkaitan pelaksanaan pengurusan pentaksiran dan penilaian bagi tahun semasa. Bukti tersebut merangkumi dokumen pelaksanaan, laporan, rekod pengurusan, bahan pembuktian serta maklumat sokongan yang berkaitan dengan setiap dimensi penilaian.

Semua data dan bukti dianalisis menggunakan rubrik penilaian yang merangkumi dimensi, kriteria, subkriteria dan wajaran yang telah ditetapkan. Proses penilaian turut mengambil kira ketepatan maklumat, pematuhan kepada garis masa, pelaksanaan amalan terbaik serta bukti pelaksanaan yang lengkap dan sah.

Penilaian bagi kriteria ini dikendalikan oleh Bahagian Peperiksaan dan Penilaian (BPN), JPPKK.

3.2.8. PENGURUSAN KEWANGAN

Kriteria Pengurusan Kewangan menilai keupayaan POLYCC mengurus sumber kewangan secara cekap, berkesan, telus dan berintegriti bagi menyokong pencapaian matlamat strategik institusi. Penilaian memberi tumpuan kepada keberkesanan perancangan perolehan, pengurusan aset dan pengurusan stor sebagai komponen utama dalam memastikan penggunaan sumber awam diurus secara optimum serta mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Pengurusan kewangan yang mantap bukan sahaja memastikan kelancaran operasi institusi, malah memperkukuh keupayaan institusi mengoptimumkan penggunaan peruntukan, meningkatkan akauntabiliti serta menyokong penyampaian perkhidmatan pendidikan yang berkualiti dan mampan. Pengurusan kewangan merupakan salah satu elemen utama dalam tadbir urus institusi kerana keberkesanan pelaksanaan program dan penyampaian perkhidmatan bergantung kepada keupayaan institusi merancang, mengurus dan mengawal sumber kewangan secara sistematik. Pengurusan kewangan yang cekap membolehkan sumber awam dimanfaatkan secara optimum, mengurangkan pembaziran serta meningkatkan nilai kepada organisasi dan pemegang taruh.

Dalam konteks POLYCC, pengurusan kewangan yang berintegriti turut memperkukuh pematuhan kepada peraturan kewangan kerajaan, meningkatkan kecekapan pengurusan aset dan stor serta memastikan pelaksanaan perolehan dilaksanakan secara terancang, sistematik dan berkesan. Pendekatan ini membantu institusi memperkukuh akauntabiliti, mengurangkan risiko ketidakpatuhan dan meningkatkan keyakinan terhadap tadbir urus kewangan institusi.

Penilaian terhadap kriteria ini memberi penekanan kepada keupayaan institusi dalam mengurus sumber kewangan secara strategik, cekap dan berakauntabiliti melalui pencapaian prestasi yang boleh diukur, perancangan yang sistematik serta pelaksanaan amalan pengurusan kewangan yang berkesan, telus dan berintegriti.

Kriteria ini menyokong pelaksanaan PSPKK 2026–2035 melalui pengukuhan tadbir urus kewangan, pengurusan sumber dan pengoptimuman penggunaan aset bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, berintegriti dan mampan. Pengurusan kewangan yang sistematik membolehkan institusi memperkukuh akauntabiliti, meningkatkan kecekapan penggunaan sumber awam serta menyokong pelaksanaan perancangan strategik institusi secara berkesan.

Penilaian bagi kriteria ini dilaksanakan berdasarkan satu dimensi utama, iaitu Pengurusan Kewangan yang merangkumi tiga aspek utama pengurusan sumber kewangan institusi. Dimensi ini menilai keupayaan institusi mengurus sumber kewangan secara cekap melalui perancangan perolehan, pengurusan aset dan

pengurusan stor yang mematuhi peraturan kewangan serta menyokong penggunaan sumber secara optimum. Penilaian memberi tumpuan kepada tiga aspek utama, iaitu:

a) Perancangan Perolehan Tahunan (PPT)

Aspek ini menilai keberkesanan institusi merancang dan melaksanakan perolehan tahunan berdasarkan perancangan yang telah ditetapkan. Penilaian memberi penekanan kepada tahap pencapaian pelaksanaan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) melalui Sistem ePerolehan sebagai indikator kecekapan institusi dalam mengurus perolehan secara sistematik dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.

b) Pemeriksaan Aset Alih

Aspek ini menilai tahap pematuhan institusi dalam melaksanakan pemeriksaan aset alih secara menyeluruh mengikut tatacara pengurusan aset Kerajaan. Penilaian mencerminkan keberkesanan institusi dalam memastikan aset diurus, dipantau dan diselenggarakan secara teratur bagi menyokong penggunaan sumber yang optimum.

c) Kadar Pusingan Stok

Aspek ini menilai kecekapan institusi mengurus inventori melalui pencapaian kadar pusingan stok tahunan. Penilaian memberi tumpuan kepada keupayaan institusi mengurus stok secara sistematik bagi memastikan bekalan sentiasa memenuhi keperluan operasi, mengelakkan lebihan atau kekurangan stok serta mengoptimumkan penggunaan ruang dan sumber penyimpanan.

Secara keseluruhannya, kriteria ini menilai tahap keupayaan institusi dalam mengurus sumber kewangan, aset dan stor secara cekap, berkesan dan berintegriti. Penilaian yang dilaksanakan bukan sahaja mengiktiraf pencapaian semasa, malah menggalakkan budaya akauntabiliti, pematuhan terhadap peraturan kewangan serta penambahbaikan berterusan bagi memperkukuh tadbir urus institusi dan mengoptimumkan penggunaan sumber awam.

Kaedah Penilaian

Penilaian dilaksanakan berdasarkan data dan laporan rasmi yang dikemukakan oleh institusi melalui sistem pengurusan kewangan Kerajaan serta dokumen sokongan yang berkaitan bagi tahun penilaian.

Data pencapaian dianalisis menggunakan rubrik penilaian yang merangkumi aspek PPT, Pemeriksaan Aset Alih dan Kadar Pusingan Stok mengikut wajaran yang telah ditetapkan. Penilaian dibuat berdasarkan tahap pencapaian institusi terhadap indikator prestasi bagi setiap aspek pengurusan kewangan berikut:

a) Perancangan Perolehan Tahunan

Berdasarkan Laporan PPT secara sukuan/tahunan bagi tahun yang dinilai. PPT merupakan perancangan institusi untuk melaksanakan perolehan bagi tahun berikutnya. PPT perlu disediakan bagi semua kategori perolehan (bekalan, perkhidmatan dan kerja) yang menggunakan peruntukan Persekutuan di bawah Belanja Mengurus, Belanja Pembangunan atau sumber peruntukan lain untuk semua kaedah perolehan. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Perolehan Kerajaan 2.1-Perihal Umum: Maklumat PPT tersebut perlu dikunci masuk oleh institusi melalui sistem ePerolehan selewat-lewatnya pada 15 Januari setiap tahun.

Mekanisme penilaian bagi elemen ini adalah berdasarkan kepada kejayaan institusi mengiklankan perolehan di dalam Sistem ePerolehan.

b) Pencapaian 100% Pemeriksaan Aset

Pemeriksaan Aset Tahunan berdasarkan Laporan Pemeriksaan Aset secara sukuan/tahunan bagi tahun yang dinilai. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Pengurusan Aset 2.4 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan: Semua PTJ hendaklah memastikan Pemeriksaan ke atas semua Aset Alih dilaksanakan seratus peratus (100%) dan pemeriksaan boleh dilaksanakan sepanjang tahun pada tahun semasa secara berperingkat. Pemeriksaan Aset Alih hendaklah dikunci masuk menggunakan Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA).

c) Pencapaian Empat Kali Kadar Pusingan Stok

Semua stor hendaklah mencapai kadar pusingan stok tahunan sekurang-kurangnya empat kali kadar pusingan bagi tahun yang dinilai. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Pengurusan Aset 6.1-Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan: Stor yang diuruskan dengan baik merupakan stor yang mencapai kadar pusingan tertinggi dan dapat memenuhi keperluan pengguna. Semua stor hendaklah mencapai kadar pusingan stok tahunan sekurang-kurangnya empat kali kadar pusingan. Kadar Pusingan Stok hendaklah berdasarkan Sistem Pengurusan Stok (SPS).

Penilaian bagi kriteria ini dikendalikan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), JPPKK.

3.2.9. KELESTARIAN AMBILAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

Kriteria Kelestarian Ambilan dan Pembangunan Pelajar menilai keupayaan POLYCC dalam memastikan kelestarian enrolmen serta menyediakan persekitaran pembangunan pelajar yang menyokong pembentukan graduan secara holistik. Penilaian memberi tumpuan kepada keupayaan institusi memperluas akses kepada pendidikan TVET, menggalakkan kemasukan dan mengekalkan penyertaan pelajar melalui promosi yang berkesan serta menyediakan peluang pembangunan pelajar yang menyeluruh.

Kelestarian ambilan bukan sahaja bergantung kepada keupayaan institusi memenuhi norma ambilan dan kapasiti yang ditetapkan, tetapi turut dipengaruhi oleh ketampakan institusi, daya tarikan program pendidikan serta pengalaman pembangunan pelajar. Oleh itu, penilaian kriteria ini merangkumi aspek akses, penjenamaan dan pembangunan pelajar bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai keupayaan institusi dalam meningkatkan keterlihatan, menarik minat serta memperkukuh kesinambungan penyertaan dalam pendidikan TVET.

Kelestarian ambilan merupakan elemen penting dalam memastikan kapasiti pendidikan TVET dapat dimanfaatkan secara optimum serta peluang pendidikan dapat diperluas kepada kumpulan sasaran yang pelbagai. Keupayaan institusi mencapai sasaran pendaftaran, memenuhi norma ambilan dan mengoptimumkan kapasiti sedia ada mencerminkan keberkesanan institusi dalam merancang serta mengurus penyampaian pendidikan berdasarkan keperluan masyarakat dan pasaran.

Dalam masa yang sama, pembangunan pelajar yang holistik penting bagi memastikan pengalaman pendidikan tidak terhad kepada pencapaian akademik, tetapi turut merangkumi pembangunan sahsiah, kepimpinan, kemahiran insaniah, keterampilan, kreativiti dan keupayaan pelajar menyertai aktiviti pada peringkat yang lebih luas. Penglibatan alumni pula dapat memperkukuh hubungan institusi dengan graduan serta menyumbang kepada pembangunan pelajar dan pengukuhan ekosistem institusi.

Penilaian terhadap kriteria ini mengambil kira hubungan antara akses kepada pendidikan, ketampakan institusi dan pembangunan pelajar bagi memastikan kelestarian ambilan disokong oleh nilai pendidikan dan pengalaman pelajar yang berkualiti. Indikator yang digunakan merangkumi pencapaian pendaftaran, pemenuhan norma ambilan, enrolmen berbanding kapasiti, capaian promosi pendidikan, program pembangunan pelajar serta penglibatan alumni.

Kriteria ini menyokong pelaksanaan PSPKK 2026–2035 melalui perluasan akses kepada pendidikan TVET yang inklusif dan fleksibel, pengukuhan ketampakan serta reputasi institusi, dan penyediaan pengalaman pembangunan pelajar yang menyeluruh.

Pendekatan ini membolehkan institusi memperluas capaian kepada pelbagai kumpulan sasaran melalui saluran promosi dan libat urus yang bersesuaian, di samping memperkukuh daya tarikan institusi sebagai pilihan pendidikan TVET. Pada masa yang sama, penglibatan pelajar dalam program pada peringkat institusi, kebangsaan dan antarabangsa serta pengukuhan jaringan bersama alumni dapat memperluas pengalaman pembelajaran, membina kompetensi dan meningkatkan keterlihatan institusi.

Penilaian bagi kriteria ini dilaksanakan berdasarkan tiga dimensi utama yang saling melengkapi, iaitu Perluasan Akses, Melonjakkan Jenama dan Imej POLYCC serta Pembangunan Pelajar Holistik. Ketiga-tiga dimensi ini menggambarkan keupayaan institusi menarik penyertaan pelajar, memperkukuh daya tarikan institusi serta menyediakan pengalaman pembangunan pelajar yang menyeluruh.

a) Perluasan Akses

Dimensi ini menilai keupayaan institusi memperluas akses kepada pendidikan TVET melalui pencapaian pendaftaran pelajar baharu, pemenuhan norma ambilan program dan pengoptimuman kapasiti institusi. Penilaian memberi tumpuan kepada peratus pendaftaran pelajar baharu Sesi I berbanding norma ambilan, peratus program Sesi I yang memenuhi norma ambilan serta peratus enrolmen pelajar berbanding kapasiti operasi semasa.

Dimensi ini mencerminkan keberkesanan institusi dalam memastikan peluang pendidikan dapat dimanfaatkan secara optimum oleh kumpulan sasaran, di samping mengurus kapasiti pendidikan berdasarkan kemampuan dan keperluan institusi. Pencapaian yang konsisten dalam aspek ambilan dan enrolmen menunjukkan keupayaan institusi mengekalkan daya tarikan serta kelestarian penyampaian pendidikan dalam jangka panjang.

b) Melonjakkan Jenama dan Imej POLYCC

Dimensi ini menilai ketampakan institusi dalam mempromosikan program pendidikan melalui saluran komunikasi yang berkesan, khususnya media sosial. Penilaian menggunakan jumlah tontonan (*viewers*) tertinggi bagi promosi program pendidikan di media sosial sebagai indikator untuk mencerminkan capaian dan keberkesanan usaha promosi institusi.

Dimensi ini penting dalam memperkukuh daya tarikan institusi dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap peluang pendidikan yang ditawarkan. Ketampakan yang lebih tinggi melalui kandungan promosi yang relevan dan berkesan berpotensi memperluas capaian kepada bakal pelajar serta kumpulan sasaran yang lebih pelbagai.

c) Pembangunan Pelajar Holistik

Dimensi ini menilai keupayaan institusi menyediakan peluang pembangunan pelajar yang menyeluruh melalui penglibatan dalam program pada peringkat institusi, kebangsaan dan antarabangsa serta pelaksanaan program bersama alumni POLYCC. Penilaian memberi tumpuan kepada bilangan program pembangunan pelajar yang dianjurkan dan disertai serta bilangan program bersama alumni POLYCC.

Dimensi ini mencerminkan usaha institusi memperluas pengalaman pelajar di luar bilik kuliah melalui pendedahan kepada aktiviti pembangunan sahsiah, kepimpinan, kompetensi dan keterampilan pada pelbagai peringkat. Penglibatan alumni pula memperkukuh hubungan berterusan antara institusi dan graduan melalui perkongsian pengalaman, kepakaran, jaringan serta sokongan terhadap pembangunan pelajar. Ketiga-tiga dimensi ini membentuk satu kerangka penilaian yang menghubungkan akses kepada pendidikan, daya tarikan institusi dan pengalaman pembangunan pelajar sebagai asas kepada kelestarian ambilan dan pembangunan pelajar yang berterusan.

Secara keseluruhannya, kriteria ini menilai tahap keupayaan institusi dalam memastikan kelestarian ambilan melalui perluasan akses pendidikan, pengukuhan ketampakan institusi serta pembangunan pelajar yang holistik. Penilaian yang dilaksanakan bukan sahaja mengiktiraf pencapaian semasa, malah menggalakkan budaya keterangkuman, pengukuhan daya tarikan institusi serta penambahbaikan berterusan bagi memperkukuh pengalaman pendidikan dan meningkatkan impaknya kepada pelajar, alumni dan masyarakat.

Kaedah Penilaian

Penilaian dilaksanakan berdasarkan data pencapaian institusi bagi tahun penilaian yang berkaitan dengan enam indikator utama, iaitu:

a) peratus pendaftaran pelajar baharu Sesi I berbanding norma ambilan;

$$Peratus\ pendaftaran\ pelajar = \frac{Bilangan\ Pelajar\ Daftar}{Norma\ Ambilan} \times 100$$

b) peratus program Sesi I yang memenuhi norma ambilan;

$$Peratus\ bilangan\ program\ mencapai\ norma\ ambilan = \frac{Bilangan\ program\ mencapai\ norma\ ambilan}{Bilangan\ Program\ Yang\ Ditawarkan} \times 100$$

c) peratus enrolmen pelajar berbanding kapasiti operasi semasa;

$$Peratus\ enrolmen\ pelajar = \frac{Enrolmen\ Pelajar}{Kapasiti\ Operasi\ Semasa} \times 100$$

d) jumlah tontonan (*viewers*) tertinggi promosi program pendidikan di media sosial;
e) bilangan program pembangunan pelajar yang dianjurkan dan disertai pada peringkat institusi, kebangsaan dan antarabangsa; dan
f) bilangan program bersama alumni POLYCC.

Skor setiap indikator ditentukan berdasarkan tahap pencapaian yang sepadan dengan skala pemarkahan, sebelum digabungkan bagi menghasilkan skor keseluruhan kriteria. Semakan dan pengesahan data serta bukti dilaksanakan berdasarkan sumber rasmi dan pembuktian yang ditetapkan bagi setiap indikator.

Penilaian bagi kriteria ini dikendalikan oleh Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP), JPPKK.

3.2.10. PEMBELAJARAN DIGITAL

Kriteria Pembelajaran Digital menilai keupayaan POLYCC mengintegrasikan teknologi digital dalam pelaksanaan PdP serta menyediakan sumber pembelajaran digital yang menyokong pengalaman pembelajaran yang fleksibel dan berkesan.

Penilaian memberi tumpuan kepada penggunaan sistem pengurusan pembelajaran (*Learning Management System*, LMS) CIDOS 4.0 sebagai platform pembelajaran digital serta penghasilan dan perkongsian bahan pembelajaran melalui Shout!store sebagai repositori sumber pendidikan terbuka (*Open Educational Resources*, OER).

Transformasi digital dalam pendidikan memerlukan penggunaan teknologi yang bukan sahaja menyokong penyampaian PdP, tetapi turut meningkatkan keterlibatan pelajar dan memperluas akses kepada sumber pembelajaran. Keberkesanan pendekatan ini bergantung pada tahap penggunaan platform digital serta kesediaan kandungan pembelajaran yang dapat dimanfaatkan secara berterusan.

Dalam konteks POLYCC, pengukuhan pembelajaran digital turut melibatkan pemanfaatan teknologi seperti pengkomputeran awan, kecerdasan buatan (AI) dan teknologi memuncul bagi menyokong keperluan pembelajaran moden. Pada masa yang sama, penyediaan sumber pembelajaran digital dalam pelbagai format memperkayakan bahan PdP dan menyokong perkongsian pengetahuan dalam ekosistem pendidikan.

Oleh itu, penilaian kriteria ini menumpukan kepada keberkesanan penggunaan platform pembelajaran digital dan penghasilan sumber pembelajaran sebagai petunjuk kepada tahap penerapan teknologi dalam amalan PdP institusi.

Kriteria ini menyokong pelaksanaan PSPKK 2026–2035 melalui pengukuhan ekosistem pembelajaran digital serta peningkatan keupayaan institusi memanfaatkan teknologi dalam penyampaian PdP. Kriteria ini turut menyokong aspirasi RPTM 2026–2035 yang menekankan pengembangan pembelajaran dalam talian, pendekatan pembelajaran hibrid, integrasi digital serta penerapan AI dan teknologi memuncul seperti pengkomputeran awan dalam pendidikan tinggi. Pendekatan tersebut

menyokong penyediaan pengalaman pembelajaran yang lebih fleksibel dan responsif terhadap perkembangan teknologi serta keperluan pembelajaran semasa.

Penilaian bagi kriteria ini dilaksanakan berdasarkan dua dimensi utama, iaitu Prestasi Pembelajaran dalam Talian di dalam LMS CIDOS dan Prestasi Perkongsian Bahan Rujukan di dalam Shout!store. Kedua-dua dimensi ini menilai aspek penggunaan platform pembelajaran digital serta pembangunan dan perkongsian sumber pembelajaran digital.

a) Prestasi Pembelajaran dalam Talian di dalam LMS CIDOS

Dimensi ini menilai tahap penggunaan LMS CIDOS 4.0 sebagai medium pembelajaran digital dengan mengambil kira capaian pengguna dan tahap penerapan kandungan serta aktiviti pembelajaran dalam platform.

Peratus Capaian Pengguna menilai tahap capaian pengguna kepada LMS CIDOS 4.0 melalui rekod log masuk, yang mencerminkan penggunaan platform oleh pelajar dan pensyarah.

Bagi politeknik, penilaian turut mengambil kira Peratus Pencapaian *Blended Learning Index* (BLX). BLX merujuk kepada tahap interaksi pelajar dengan bahan PdP dan pentaksiran yang dimuat naik ke dalam platform, sekali gus menggambarkan keterlibatan pelajar dalam pendekatan pembelajaran campuran yang memanfaatkan teknologi digital.

Bagi kolej komuniti, penilaian menggunakan Peratus Bilangan Subjek yang Mencapai Kriteria CIDOS Lengkap. Kriteria tersebut mengambil kira kewujudan komponen pembelajaran dalam LMS, termasuk video, nota, tugasan dan kuiz.

Secara keseluruhannya, dimensi ini mencerminkan tahap penggunaan LMS sebagai sebahagian daripada pelaksanaan PdP digital serta tahap kesediaan kandungan pembelajaran dalam persekitaran pembelajaran berasaskan teknologi.

b) Prestasi Perkongsian Bahan Rujukan di dalam Shout!store

Dimensi ini menilai keupayaan institusi menghasilkan dan berkongsi bahan pembelajaran melalui Shout!store, yang berfungsi sebagai repositori digital bagi sumber pendidikan terbuka yang dibangunkan oleh warga POLYCC dan Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD). Bahan yang dikongsi merangkumi pelbagai medium seperti e-buku, video, garis panduan, dokumen dan bahan imersif.

Penilaian memberi tumpuan kepada Bilangan Bahan dalam Shout!store dan Bilangan Bahan Imersif dalam repositori Shout!store. Kedua-dua indikator ini menggambarkan tahap penghasilan serta pengayaan sumber pembelajaran digital yang boleh dimanfaatkan dalam proses pembelajaran.

Dimensi ini mencerminkan usaha institusi membudayakan pembangunan dan perkongsian sumber pembelajaran digital serta memperluas kepelbagaian bahan yang tersedia dalam ekosistem pembelajaran POLYCC.

Secara keseluruhannya, kriteria ini menilai tahap keupayaan institusi dalam memperkukuh pembelajaran digital melalui pemanfaatan platform pembelajaran serta pembangunan sumber pembelajaran digital. Penilaian yang dilaksanakan bukan sahaja mengiktiraf tahap penerapan teknologi dalam PdP, malah menggalakkan pembudayaan pembelajaran digital, perkongsian sumber dan penambahbaikan berterusan bagi memperkukuh pengalaman pembelajaran dalam persekitaran pendidikan yang dinamik.

Kaedah Penilaian

Penilaian dilaksanakan berdasarkan data penggunaan LMS CIDOS 4.0, data repositori Shout!store serta dokumen sokongan yang dikemukakan oleh institusi bagi tahun penilaian. Data yang diterima disemak dan dianalisis bagi memastikan ketepatan, kesahihan dan keseragaman maklumat sebelum proses pemarkahan dilaksanakan.

Skor bagi setiap institusi ditentukan menggunakan rubrik penilaian yang merangkumi dimensi, subkriteria dan wajaran yang telah ditetapkan. Proses penilaian mengambil kira data capaian pengguna LMS CIDOS 4.0, pencapaian BLX atau bilangan subjek yang memenuhi kriteria CIDOS Lengkap mengikut kategori institusi, serta data perkongsian bahan dan bahan imersif dalam repositori Shout!store.

Penilaian bagi kriteria ini dikendalikan oleh Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD), JPPKK.

3.2.11. PEMBANGUNAN KOMPETENSI TVET WARGA POLYCC

Kriteria Pembangunan Kompetensi TVET Warga POLYCC menilai keupayaan POLYCC membangunkan kompetensi warga kerja, khususnya Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) melalui pengukuhan pengetahuan, kemahiran, pengalaman profesional dan penguasaan teknologi yang relevan dengan bidang pengajaran serta keperluan industri. Penilaian turut memberi perhatian kepada pembangunan bakat melalui program sangkutan pensyarah di industri, pensijilan profesional, keahlian badan profesional, sangkutan industri berimpak tinggi dan pemerkasaan pensyarah sebagai *AI-Enabled Educator.*

Pembangunan kompetensi warga POLYCC dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan tenaga pengajar mempunyai keupayaan yang relevan dengan perkembangan teknologi, amalan terbaik industri dan tuntutan pendidikan TVET semasa. Pendekatan ini menyokong peralihan budaya institusi daripada orientasi akademik (*academic-centric)* kepada orientasi kompetensi (*competency-centric)* serta memperkukuh keupayaan pensyarah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan membimbing pelajar secara lebih berkesan.

Pembangunan kompetensi warga merupakan asas kepada pembentukan institusi TVET yang responsif, berdaya saing dan mampu memenuhi keperluan industri yang sentiasa berubah. Penguasaan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman profesional

oleh warga POLYCC perlu diperkukuh secara sistematik supaya kompetensi tenaga pengajar kekal relevan dengan perkembangan teknologi dan amalan industri.

Penglibatan PPPT dalam sangkutan industri, pensijilan profesional dan keahlian badan profesional menyediakan pendedahan kepada amalan serta standard profesional yang berkaitan. Pada masa yang sama, sangkutan industri berimpak tinggi dan penguasaan kecerdasan buatan atau AI memperluas keupayaan tenaga pengajar untuk mengadaptasi teknologi dan pengalaman industri dalam pelaksanaan PdP. Pendekatan ini seterusnya menyokong peningkatan kualiti dan produktiviti institusi melalui pencapaian yang dapat dilihat dari aspek prestasi, kualiti hasil kerja, keberhasilan dan impak.

Kriteria ini menyokong hala tuju PSPKK 2026–2035 dalam memperkukuh pembangunan bakat berprestasi tinggi dan membangunkan kompetensi warga kerja yang kalis masa hadapan. Penjajaran tersebut diterjemahkan melalui usaha meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman warga POLYCC yang relevan dengan keperluan industri, memperkukuh pendedahan profesional melalui sangkutan industri serta meningkatkan penguasaan teknologi kecerdasan buatan dalam kalangan pensyarah bagi menyokong PdP yang lebih berkesan. Pelaksanaan kriteria turut mengambil kira inisiatif *Industry-Led Upskilling*, Sangkutan Industri Berimpak Tinggi dan *AI-Enabled Educator* sebagai pendekatan pembangunan kompetensi yang menghubungkan pembangunan profesional warga dengan keperluan industri, pengalaman kerja sebenar dan perkembangan teknologi.

Penilaian bagi kriteria ini dilaksanakan berdasarkan satu dimensi utama, iaitu Pembangunan Bakat PPPT. Dimensi ini menilai keupayaan institusi memperkukuh kompetensi PPPT melalui pembangunan profesional, pendedahan industri, pengiktirafan profesional dan penguasaan teknologi kecerdasan buatan. Penilaian merangkumi lima perkara berikut:

a) Program Sangkutan Pensyarah di Industri

Menilai penglibatan PPPT dalam program interaksi berstruktur bersama industri sebagai platform untuk memperoleh dan berkongsi pengetahuan serta kemahiran yang berkaitan dengan bidang pengajaran. Pencapaian diukur berdasarkan peratus PPPT yang melengkapkan program tersebut berbanding dengan reten pengisian perjawatan pensyarah berdasarkan ketetapan awal tahun dan kajian separuh tahun dalam tahun berkaitan.

b) Pensijilan Profesional

Menilai tahap pemilikan pensijilan profesional PPPT yang diiktiraf oleh industri atau badan profesional dan masih aktif sehingga 31 Disember tahun yang dinilai. Penilaian mengambil kira peratus PPPT yang memiliki pensijilan tersebut berbanding dengan reten pengisian perjawatan pensyarah berdasarkan ketetapan awal tahun dan kajian separuh tahun.

c) Keahlian Badan Profesional

Menilai penglibatan PPPT yang memperoleh gelaran profesional melalui keahlian badan profesional yang membolehkan seseorang melaksanakan perkhidmatan profesional menurut akta atau ketetapan yang berkaitan. Hanya keahlian yang masih aktif sehingga 31 Disember tahun yang dinilai diambil kira.

d) Sangkutan Industri Berimpak Tinggi

Menilai penglibatan pensyarah dalam program penempatan atau sangkutan industri strategik yang memenuhi sekurang-kurangnya satu daripada kriteria berikut:

i. Sangkutan di syarikat bertaraf MNC, GLC, atau syarikat teknologi berimpak tinggi;

ii. Penempatan industri bagi memenuhi syarat keahlian badan profesional; atau

iii. Tempoh penempatan/sangkutan industri yang berdurasi sekurang-kurangnya 89 hari.

e) AI-Enabled Educator

Menilai penguasaan kompetensi kecerdasan buatan dalam kalangan pensyarah melalui pemilikan sijil profesional yang diiktiraf oleh badan berkaitan dalam bidang kecerdasan buatan.

Secara keseluruhannya, kriteria ini menilai keupayaan POLYCC membangunkan warga kerja yang kompeten, profesional dan responsif terhadap perubahan teknologi serta keperluan industri. Pencapaian dalam pembangunan profesional, pengiktirafan kompetensi, pengalaman industri dan penguasaan teknologi mencerminkan kesediaan institusi membina bakat TVET yang berupaya menyokong pelaksanaan PdP berkualiti dan pembangunan institusi secara berterusan.

Kaedah Penilaian

Penilaian dilaksanakan berdasarkan data dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh institusi berkaitan pelaksanaan pembangunan kompetensi TVET warga POLYCC bagi tahun penilaian. Data yang diterima disemak dan dianalisis bagi memastikan ketepatan, kesahihan dan keseragaman maklumat sebelum proses pemarkahan dilaksanakan.

Skor bagi setiap institusi ditentukan menggunakan rubrik penilaian yang merangkumi dimensi, subkriteria dan wajaran yang telah ditetapkan. Proses penilaian mengambil kira data penyertaan Program Sangkutan Pensyarah di Industri, pemilikan Pensijilan Profesional, Keahlian Badan Profesional, penyertaan dalam Sangkutan Industri Berimpak Tinggi serta pemilikan sijil profesional *AI-Enabled Educator* oleh PPPT.

Penilaian bagi kriteria ini dikendalikan oleh Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya (BKPK), JPPKK.

3.2.12. RESEARCH, DEVELOPMENT, INNOVATION, COMMERCIALIZATION, AND ECONOMY (RDICE)

Kriteria RDICE menilai keupayaan POLYCC membangunkan ekosistem penyelidikan, pembangunan, inovasi, pengkomersialan dan ekonomi yang menyumbang kepada pembangunan industri, komuniti serta kemajuan sosioekonomi negara. Penilaian memberi tumpuan kepada pemerkasaan ekosistem RDICE bagi memastikan hasil penyelidikan dan inovasi POLYCC mampu memberikan sumbangan substantif kepada sektor industri, komuniti serta pembangunan sosioekonomi negara secara menyeluruh.

Kriteria ini turut menilai keupayaan institusi membudayakan penyelidikan gunaan (*applied research*) yang memfokuskan kepada penyelesaian isu industri dan keperluan sosial, di samping menggalakkan pembangunan inovasi, aktiviti pengkomersialan dan keusahawanan sebagai pemacu pembangunan teknologi serta penjanaan nilai ekonomi. Pendekatan ini memperkukuh peranan POLYCC sebagai peneraju kecemerlangan TVET yang menghasilkan penyelidikan dan inovasi berimpak tinggi.

Penyelidikan, pembangunan, inovasi, pengkomersialan dan ekonomi merupakan pemacu utama dalam memperkukuh kecemerlangan institusi TVET. Melalui ekosistem RDICE yang mantap, penyelidikan tidak lagi berfungsi sebagai aktiviti akademik semata-mata, sebaliknya menjadi pemangkin kepada pembangunan inovasi, pengkomersialan dan keusahawanan yang mampu menghasilkan penyelesaian kepada keperluan sebenar industri dan masyarakat.

Sehubungan itu, kriteria ini menggalakkan warga POLYCC membudayakan amalan penyelidikan dan inovasi yang kreatif serta berimpak tinggi, di samping mempergiat aktiviti pengkomersialan bagi menjana nilai ekonomi yang mampan. Penilaian ini turut mengiktiraf usaha institusi memperkukuh kolaborasi strategik bagi menghasilkan impak sosioekonomi yang signifikan serta meningkatkan daya saing institusi dalam ekosistem TVET.

Melalui kerangka RDICE, hasil penyelidikan dihasratkan dapat diterjemahkan kepada aplikasi praktikal yang boleh dikomersialkan untuk manfaat ekonomi dan sosial. Pada masa yang sama, setiap aktiviti penyelidikan hendaklah dilaksanakan secara bertanggungjawab dengan mematuhi etika penyelidikan, memelihara kelestarian alam sekitar serta memberi manfaat yang nyata kepada masyarakat. Pendekatan ini menyokong pembangunan yang seimbang antara kemajuan teknologi dan nilai kemanusiaan.

Kriteria ini menyokong pelaksanaan PSPKK 2026–2035 melalui pemerkasaan ekosistem penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersialan sebagai pemacu kecemerlangan TVET. Penjajaran ini menggalakkan pelaksanaan penyelidikan gunaan yang berorientasikan penyelesaian industri dan keperluan sosial, di samping memperkukuh pembangunan inovasi, aktiviti pengkomersialan dan keusahawanan bagi menghasilkan impak kepada industri, komuniti dan pembangunan negara.

Pendekatan ini turut memperkukuh budaya penyelidikan secara strategik dan bersepadu bagi memastikan setiap output penyelidikan bukan sahaja berkualiti tinggi, malah mampu diterjemahkan kepada inovasi, perlindungan harta intelek dan aktiviti pengkomersialan yang memberi nilai tambah kepada pembangunan ekonomi serta kesejahteraan masyarakat.

Penilaian bagi kriteria ini dilaksanakan berdasarkan empat dimensi utama yang melambangkan rantaian nilai ekosistem RDICE secara menyeluruh, bermula daripada penjanaan idea dan ilmu, pembangunan inovasi, perlindungan aset intelek sehingga kepada pemindahan nilai melalui aktiviti pengkomersialan yang memberikan impak kepada industri, komuniti dan ekonomi negara.

a) Penyelidikan

Dimensi Penyelidikan menilai keupayaan institusi dalam memperkasakan budaya kesarjanaan melalui pemerolehan dana penyelidikan serta penghasilan output penulisan yang berimpak tinggi. Penilaian memberi tumpuan kepada keupayaan institusi memperoleh pembiayaan daripada pelbagai sumber

strategik bagi menyokong pelaksanaan penyelidikan gunaan, di samping meningkatkan produktiviti penerbitan ilmiah sebagai sumbangan kepada pembangunan ilmu, teknologi dan ekosistem TVET.

Penilaian dimensi ini merangkumi dua subkriteria utama, iaitu:

i. **Geran**, yang menilai nilai kumulatif dana penyelidikan yang diperoleh institusi dalam tahun semasa daripada pelbagai sumber pembiayaan seperti JPPKK, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), industri serta agensi lain yang berkaitan; dan

ii. **Penerbitan**, yang menilai jumlah keseluruhan output penerbitan yang dihasilkan oleh institusi dalam tahun semasa merangkumi jurnal berindeks, jurnal JPPKK, prosiding persidangan dan penerbitan akademik lain yang diiktiraf.

b) Inovasi Kreatif

Dimensi Inovasi Kreatif menilai keupayaan institusi membudayakan pemikiran kreatif melalui penghasilan produk inovasi yang kompetitif dan berimpak tinggi. Penilaian memberi tumpuan kepada keberhasilan institusi menghasilkan penyelesaian inovatif yang memberi nilai tambah kepada sektor pendidikan, industri dan masyarakat.

Produk inovasi yang dinilai merangkumi pelbagai kluster seperti perisian, aplikasi digital, inovasi sosial dan teknologi fizikal yang telah mendapat pengiktirafan melalui penyertaan dalam pertandingan atau pameran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam tahun semasa. Penilaian turut mengambil kira keseluruhan produk inovasi yang dihasilkan oleh pensyarah dan pelajar sebagai petunjuk kepada kecemerlangan budaya inovasi institusi.

c) Perlindungan Harta Intelek

Dimensi Perlindungan Harta Intelek menilai keberkesanan institusi dalam melindungi hasil penyelidikan dan inovasi melalui pemfailan harta intelek yang didaftarkan dalam tahun penilaian. Penilaian meliputi pemfailan hak cipta, paten, reka bentuk perindustrian dan cap dagang sebagai mekanisme melindungi aset intelek serta meningkatkan potensi pengkomersialan hasil penyelidikan.

Dimensi ini mencerminkan komitmen institusi dalam mengurus dan memelihara hasil penyelidikan secara strategik bagi memastikan keaslian idea, meningkatkan nilai inovasi serta menyokong aktiviti pemindahan teknologi dan pengkomersialan.

d) Pengkomersialan

Dimensi Pengkomersialan menilai keupayaan institusi menterjemahkan hasil penyelidikan dan inovasi kepada produk atau perkhidmatan yang mempunyai nilai pasaran serta menyumbang kepada penjanaan ekonomi. Penilaian memberi tumpuan kepada keberhasilan institusi memasarkan hasil inovasi berdasarkan garis panduan pengkomersialan yang ditetapkan oleh JPPKK.

Penilaian dimensi ini merangkumi dua subkriteria utama, iaitu:

i. **Aktiviti Pengkomersialan**, yang menilai bilangan produk yang berjaya dikomersialkan dalam tempoh yang ditetapkan; dan

ii. **Penjanaan Hasil**, yang menilai jumlah pendapatan yang diperoleh daripada hasil jualan produk atau perkhidmatan melalui Akaun Amanah institusi sebagai indikator keberkesanan aktiviti pengkomersialan.

Secara keseluruhannya, kriteria ini menilai keupayaan POLYCC membangunkan ekosistem RDICE yang bersepadu melalui pengukuhan budaya penyelidikan, penghasilan inovasi, perlindungan harta intelek dan aktiviti pengkomersialan. Penilaian yang dilaksanakan bukan sahaja mengiktiraf pencapaian institusi dalam menghasilkan penyelidikan dan inovasi yang berkualiti, malah menggalakkan

pemindahan teknologi, penjanaan nilai ekonomi serta penghasilan impak yang memberi manfaat kepada industri, komuniti dan pembangunan negara.

Kaedah Penilaian

Penilaian dilaksanakan berdasarkan data dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh institusi bagi aktiviti penyelidikan, inovasi, perlindungan harta intelek dan pengkomersialan dalam tahun penilaian. Data yang diterima disemak dan dianalisis bagi memastikan ketepatan, kesahihan serta pematuhan kepada ketetapan yang ditetapkan sebelum proses pemarkahan dilaksanakan.

Skor bagi setiap institusi ditentukan menggunakan rubrik penilaian yang merangkumi dimensi, subkriteria dan wajaran yang telah ditetapkan mengikut kategori institusi. Proses penilaian mengambil kira nilai geran penyelidikan, output penerbitan, bilangan produk inovasi, pemfailan harta intelek, bilangan produk yang dikomersialkan serta penjanaan pendapatan hasil pengkomersialan melalui akaun amanah institusi.

Penilaian bagi kriteria ini dikendalikan oleh Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI), JPPKK.

RUBRIK PENILAIAN POLITEKNIK KATEGORI 1

Kriteria 1: Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Dimensi	Kriteria	Subkriteria	Sasaran	Pencapaian	Wajaran	Skor
Meningkatkan kecekapan tadbir urus	Merujuk kepada Objektif Strategik (OS) yang menyokong pelaksanaan pernyataan KPI pada tahun yang dinilai	Merujuk kepada pelaksanaan pernyataan KPI pada tahun yang dinilai	Merujuk kepada wajaran sasaran KPI pada tahun yang dinilai		Merujuk kepada wajaran pernyataan KPI pada tahun yang dinilai	$\frac{Pencapaian}{Sasaran} \times Wajaran$
Memperkasakan program TVET bernilai tinggi	Merujuk kepada Objektif Strategik (OS) yang menyokong pelaksanaan pernyataan KPI pada tahun yang dinilai	Merujuk kepada pelaksanaan pernyataan KPI pada tahun yang dinilai	Merujuk kepada wajaran sasaran KPI pada tahun yang dinilai		Merujuk kepada wajaran pernyataan KPI pada tahun yang dinilai	$\frac{Pencapaian}{Sasaran} \times Wajaran$
Memantapkan bakat berprestasi tinggi	Merujuk kepada Objektif Strategik (OS) yang menyokong pelaksanaan pernyataan KPI pada tahun yang dinilai	Merujuk kepada pelaksanaan pernyataan KPI pada tahun yang dinilai	Merujuk kepada wajaran sasaran KPI pada tahun yang dinilai		Merujuk kepada wajaran pernyataan KPI pada tahun yang dinilai	$\frac{Pencapaian}{Sasaran} \times Wajaran$
Membangunkan pembelajar holistik	Merujuk kepada Objektif Strategik (OS) yang menyokong pelaksanaan pernyataan KPI pada tahun yang dinilai	Merujuk kepada pelaksanaan pernyataan KPI pada tahun yang dinilai	Merujuk kepada wajaran sasaran KPI pada tahun yang dinilai		Merujuk kepada wajaran pernyataan KPI pada tahun yang dinilai	$\frac{Pencapaian}{Sasaran} \times Wajaran$
Menyediakan ekosistem lestari	Merujuk kepada Objektif Strategik (OS) yang menyokong	Merujuk kepada pelaksanaan pernyataan KPI pada tahun yang dinilai	Merujuk kepada wajaran sasaran		Merujuk kepada wajaran pernyataan KPI	

Dimensi	Kriteria	Subkriteria	Sasaran	Pencapaian	Wajaran	Skor
	pelaksanaan pernyataan KPI pada tahun yang dinilai		KPI pada tahun yang dinilai		pada tahun yang dinilai	$\frac{Pencapaian}{Sasaran} \times Wajaran$
Membudayakan RDICE bertanggungjawab	Merujuk kepada Objektif Strategik (OS) yang menyokong pelaksanaan pernyataan KPI pada tahun yang dinilai	Merujuk kepada pelaksanaan pernyataan KPI pada tahun yang dinilai	Merujuk kepada wajaran sasaran KPI pada tahun yang dinilai		Merujuk kepada wajaran pernyataan KPI pada tahun yang dinilai	$\frac{Pencapaian}{Sasaran} \times Wajaran$
